



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***KESALAHAN BAHASA JEPUN DALAM PENULISAN PELAJAR MELAYU
DI SEBUAH UNIVERSITI AWAM, MALAYSIA***

SANIMAH BINTI HUSSIN

FBMK 2016 79



**KESALAHAN BAHASA JEPUN DALAM PENULISAN PELAJAR MELAYU
DI SEBUAH UNIVERSITI AWAM, MALAYSIA**

Oleh

SANIMAH BINTI HUSSIN

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

Disember 2016

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI


Suami tercinta, Dr. Muhd Alif Redzuan
Pemangkin semangat perjuanganku

Puteri tersayang, Arissa Najiha
Sumber inspirasiku

Emak yang dikasihi, Hjh Che Amah Osman
Pendorong kejayaanku

Abang, kakak-kakak & adik-adik
Penyokong perjuanganku

Arwah Abah, Hj. Hussin Othman
Doronganmu abadi dalam kenangan



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

KESALAHAN BAHASA JEPUN DALAM PENULISAN PELAJAR MELAYU DI SEBUAH UNIVERSITI AWAM, MALAYSIA

Oleh

SANIMAH BINTI HUSSIN

Disember 2016

Pengerusi : Profesor Madya Zaitul Azma Zainon Hamzah, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini mengkaji kesalahan bahasa Jepun dalam penulisan pelajar Melayu di Universiti Putra Malaysia. Kajian yang diusahakan pengkaji ini turut bertujuan untuk merumuskan faktor-faktor *interlingual* yang mempengaruhi pelajar Melayu melakukan jenis-jenis kesalahan dalam aktiviti penulisan bahasa Jepun berdasarkan Taksonomi Struktur Permukaan (*Surface Strategy Taxonomy*) di Universiti Putra Malaysia. Di samping itu, kajian ini mengkategorikan jenis-jenis kesalahan bahasa yang dilakukan oleh pelajar Melayu berdasarkan Taksonomi Struktur Permukaan (*Surface Strategy Taxonomy*) Dulay, Burt dan Krashen (1982) iaitu salah bentuk, pengguguran, penambahan dan salah susun. Selain itu, kajian ini juga membincangkan faktor *intralingual* yang merupakan halangan-halangan yang dihadapi oleh pelajar Melayu semasa menulis dalam bahasa Jepun berdasarkan Taksonomi Intralingual (Richards et al, 1992). Antara kesalahan *intralingual* seperti yang diungkapkan Richards (1992) ialah *over-generalization*, *ignorance of rule restrictions*, *incomplete application of rules* dan *false concepts hypothesized*. Seterusnya kajian ini juga menghuraikan faktor bukan linguistik yang mempengaruhi pelajar Melayu melakukan kesalahan bahasa dalam penulisan bahasa Jepun.

Selanjutnya, tiga soalan penyelidikan telah dibentuk untuk mengkaji kesalahan bahasa Jepun dalam penulisan 15 orang pelajar Melayu di Universiti Putra Malaysia. Pemilihan 15 orang responden ini adalah kerana kaedah kualitatif yang dipilih bagi kajian ini dianggap sebagai kaedah paling sesuai untuk tujuan memahami sesuatu fenomena. Instrumen kajian yang digunakan adalah instrumen berbentuk penulisan karangan yang dipilih daripada dua tajuk yang diberi, 30 soalan terjemahan ayat daripada bahasa Melayu kepada bahasa Jepun dan satu set soal selidik. Responden kajian dikehendaki menulis sebuah karangan yang dipilih daripada dua tajuk yang diberi dan menterjemahkan satu set 30 ayat bahasa Melayu kepada ayat bahasa Jepun. Penulisan karangan dan terjemahan ayat responden akan disemak oleh pengkaji untuk meneliti setiap kesalahan yang dilakukan responden kajian dari aspek *intralingual* dan

interlingual. Set borang soal selidik diedarkan kepada responden untuk mendapatkan data tentang faktor-faktor bukan linguistik. Sesi temu bual susulan akan dilaksanakan untuk mendapatkan maklumat tambahan dan rujukan sekiranya timbul sebarang persoalan.

Seterusnya, data kajian yang terkumpul sebanyak 900 ayat telah dianalisis secara kualitatif, iaitu dengan menganalisis kesalahan bahasa dalam penulisan bahasa Jepun dari aspek *interlingual* berdasarkan Taksonomi Struktur Permukaan (*Surface Strategy Taxonomy*), iaitu dengan membincangkan halangan yang dihadapi pelajar Melayu dalam penulisan bahasa Jepun dari aspek *intralingual* berdasarkan Taksonomi *Intralingual* Richard (1974) dan merumuskan faktor bukan linguistik yang mempengaruhi pelajar Melayu melakukan kesalahan bahasa dalam penulisan bahasa Jepun dianalisis dalam bentuk kekerapan dan peratusan menggunakan program *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)* versi 22.0. Dalam penyelidikan ini analisis temubual dilakukan dengan bantuan perisian ATLAS-ti, yang merupakan sebuah perisian yang boleh digunakan untuk menganalisis data kualitatif.

Lanjutan itu, dapatan kajian menunjukkan responden telah melakukan 933 jenis kesalahan bahasa yang telah dikategorikan dari aspek *interlingual* berdasarkan Taksonomi Struktur Permukaan (*Surface Strategy Taxonomy*) dan dari aspek *intralingual* berdasarkan Taksonomi *Intralingual* Richard (1974). Dapatan kajian menunjukkan kesalahan bahasa yang dipengaruhi oleh aspek *interlingual* adalah kesalahan aspek partikel, kata nama, kata adjektif dan kata kerja. Manakala kesalahan penghilangan merupakan kesalahan bahasa yang paling banyak dilakukan oleh pelajar Melayu dalam tugas penulisan mereka. Seterusnya, dapatan kajian mendapati bahawa kesalahan bahasa yang dipengaruhi oleh aspek *interlingual* berlaku apabila pelajar cuba mengubah sistem bahasa kedua / bahasa asing yang mereka pelajari dan cuba membentuk sistem bahasa mengikut kefahaman mereka sendiri. Akhir sekali adalah faktor bukan linguistik seperti sikap cuai, tidak fokus dalam kelas, teknik belajar, masa latihan dalam kelas, lupa kosa kata, keliru dengan pelbagai fungsi struktur bahasa Jepun, kurang mengulangkaji, peluang mempraktikkan bahasa Jepun, motivasi yang rendah dan kurang membuat latihan menulis juga mempengaruhi kesalahan dalam penulisan bahasa Jepun pelajar Melayu di Universiti Putra Malaysia.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the Degree of Doctor of Philosophy

ERRORS IN MALAY STUDENTS' JAPANESE LANGUAGE WRITING AT A PUBLIC UNIVERSITY, MALAYSIA

By

SANIMAH BINTI HUSSIN

December 2016

Chairman : Associate Professor Zaitul Azma Zainon Hamzah, PhD
Faculty : Modern Language and Communication

The study examined the Japanese language errors in the writing of Malay students in Universiti Putra Malaysia. It aimed to determine the interlingual factors that affect Malay students in making errors in Japanese written work based on the Surface Strategy Taxonomy at Universiti Putra Malaysia. In addition, this study categorised the types of errors based on Surface Strategy Taxonomy by Dulay, Burt and Krashen (1982) such as omission, addition, misformation and misordering. In addition, this study also discussed the intralingual factors which are obstacles faced by Malay students while writing in Japanese on Intralingual Taxonomy (Richards et al, 1992). Among the intralingual errors as disclosed by Richards (1992) are over-generalization, ignorance of rule restrictions, incomplete application of rules and false concepts hypothesised. The study also describes the non-linguistic factors that affect the Japanese language errors in the writing of Malay students in Universiti Putra Malaysia.

Furthermore, three research questions were formed to study the Japanese language errors in the writing of 15 Malay students at Universiti Putra Malaysia. 15 respondents were chosen in this qualitative methods as it is considered as the most appropriate method for the purpose of understanding a phenomenon. The instrument used was an essay writing selected based on two titles, a set of 30 translation sentences from Malay language to Japanese language and a set of questionnaires. Written essays and translated sentences by the respondents were reviewed by the researcher to investigate intralingual and interlingual errors. The sets of questionnaires distributed to respondents were used to obtain data on non-linguistic aspects. Follow-up interviews will be conducted to obtain additional information.

The survey data collected comprise 900 texts that were analysed qualitatively based on Surface Strategy Taxonomy. Specifically, the analyses were on the obstacles faced by the Malay students in writing in Japanese with regards to the intralingual aspects. The errors were analysed in terms of frequency and percentage using the Statistical

Package for the Social Sciences (SPSS) version 22.0. In this research, the analysis of the interviews were conducted with the help of software ATLAS-ti, which is a software that can be used to analyse qualitative data.

The findings showed that the respondents had committed 933 errors that were categorised from interlingual aspect based on the Surface Strategy Taxonomy and from the aspect intralingual based Intralingual Taxonomy (Richard,1974). The findings also showed that the errors affected by the language interlingual aspect are particles, nouns, adjectives and verbs. The predominant language error made by the Malay students in their writing assignments is omission. The study found that the language error occurred when students tried to change the second language / foreign language system they are learning and trying to establish a language system according to their own understanding. Finally, the non-linguistics factors such as a carelessness, inability to focus in class, variety of learning techniques, classroom training time, inability to remember vocabulary, confusion in the multifunctional structure of the Japanese language, its revision, the opportunity to practise the Japanese language, low motivation and lack of training in writing also affect the errors in the Japanese writing of the Malay students in Universiti Putra Malaysia.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah S.W.T dengan rahmat dan limpah kurniaNya membolehkan saya menyempurnakan penulisan tesis ini dengan jayanya. Saya merakamkan sekalung penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia utama, Profesor Madya Dr. Zaitul Azma Zainon Hamzah yang telah banyak memberi sokongan moral, tunjuk ajar dan bimbingan dengan penuh dedikasi serta penyelia bersama, Dr. Zaid Mohd Zin dan Dr. Nik Farhan Mustapha di atas komen yang membina sehingga saya dapat menyempurnakan tesis ini.

Sekalung kasih sayang kepada suami, Dr. Muhd Alif Redzuan yang telah banyak memberi idea yang membina, begitu sabar dan sangat memahami. Sejambak kasih sayang kepada puteri tersayang, Arissa Najiha yang sangat mengerti perjuangan ini. Jutaan terima kasih di atas kasih sayang kalian berdua.

Akhir sekali, ucapan terima kasih kepada pelajar kemahiran bahasa Jepun, Universiti Putra Malaysia yang telah memberi kerjasama sepenuhnya sepanjang proses pengumpulan data. Penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga kepada Universiti Putra Malaysia yang telah membiayai dan memberi peluang untuk saya meneruskan pengajian sehingga ke peringkat yang tertinggi ini. Terima kasih semua.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Zaitul Azma binti Zainon Hamzah, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Zaid bin Mohd Zin, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Nik Farhan binti Mustapha, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS , PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, model pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fakrikasi data dalam tesis ini, dan intergriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah dihantar diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : _____ Tarikh : _____

Nama dan No. Matrik : Sanimah Binti Hussin , GS30524

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah selian kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan :

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan : Prof. Madya Dr. Zaitul Azma Zainon Hamzah

Tandatangan:

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan : Dr. Zaid Mohd Zin

Tandatangan

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan : Dr. Nik Farhan Mustapha

SENARAI KANDUNGAN

	Muka Surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI SINGKATAN	xvi
 BAB	
1 PENDAHULUAN	1
Pengenalan	1
Bahasa Jepun sebagai Bahasa Asing di Malaysia	5
Pembelajaran Bahasa Jepun sebagai Bahasa Asing	6
Perbandingan antara Ayat dalam Bahasa Jepun dengan Ayat dalam Bahasa Melayu	9
Ayat	9
Susunan Ayat Bahasa Melayu	9
Subjek dan Predikat	9
Susunan Ayat Bahasa Jepun	10
Subjek dan Predikat	10
Subjek dalam Ayat Bahasa Jepun dan Bahasa Melayu	11
Bentuk Ayat Negatif	12
Sistem Linguistik Bahasa Jepun	12
Ciri-Ciri Bahasa Jepun	14
Sistem Tulisan Kanji (漢字)	15
Sistem Tulisan Kana (かな)	15
Sistem Fonem Segmental Bahasa Jepun Standard	18
Perbezaan Definisi Kesalahan dan Kesilapan	19
Permasalahan Kajian	19
Objektif Kajian	23
Persoalan Kajian	23
Kepentingan Kajian	23
Skop dan Batasa Kajian	24
Definisi Operasional	26
Kesalahan Bahasa	26
Bahasa Asing	26
Analisis Kesalahan	27
Bahasa Jepun sebagai bahasa Asing	27
Pelajar Melayu	27
Kesimpulan	27
 2 SOROTAN LITERATUR	28
Pengenalan	28
Teori Analisis Kesalahan Bahasa	28

	<i>Surface Strategy Taxonomy</i>	33
	<i>Intralingual Taxonomy</i>	35
	Kajian tentang Kesalahan Bahasa dalam Bahasa Jepun	37
	Kajian tentang Pembelajaran Bahasa Asing dalam Kalangan Pelajar Melayu	43
	Kesimpulan	50
3	METODOLOGI	51
	Pengenalan	51
	Reka Bentuk Kajian	51
	Kaedah Kajian	53
	Persampelan	54
	Rasional Pemilihan Sampel	54
	Lokasi Kajian	55
	Instrumen Kajian	55
	Borang Soal Selidik	56
	Soalan Temu bual Semi-struktur	56
	Triangulasi Data	57
	Prosedur Kajian	57
	Kajian Rintis Soal Selidik	58
	Prosedur Menjalankan Soal Selidik	58
	Prosedur Menjalankan Temu Bual	59
	Penganalisan Data	59
	Soal selidik	60
	Temu Bual Semi-struktur	60
	Pertimbangan Etika	61
	Kerangka Konseptual	61
	Kesimpulan	63
4	DAPATAN DAN PERBINCANGAN	64
	Pengenalan	64
	Menganalisis Kesalahan Bahasa dalam penulisan bahasa Jepun berdasarkan Taksonomi Struktur Permukaan (<i>Surface Strategy Taxonomy</i>)	64
	A. Penghilangan	66
	1. Penghilangan “Kopula です (desu)”	66
	2. Penghilangan Kata Panggilan “さん (san)”	68
	3. Penghilangan Partikel atau Joshi	70
	4. Penghilangan Partikel “no”	71
	5. Penghilangan Partikel “wa”	73
	6. Penghilangan Partikel “ga”	75
	7. Penghilangan Partikel “o”	76
	8. Penghilangan Partikel “to”	77
	9. Penghilangan Partikel “ni”	79
	10. Penghilangan Partikel “de”	81
	11. Penghilangan partikel “e”	83
	12. Penghilangan kata nama umum “koto”	84
	B. Penambahan	86
	1. Penambahan Penanda Berganda (<i>Double Marking</i>)	87

	<i>Addition)</i>	
	2. Penambahan ‘ <i>Regularisasi</i> ’ atau Pengabaian Hukum	90
	3. Penambahan Mudah	93
	C. Salah Pembentukan	96
	1. Bentuk Kesalahan Salah Pembentukan pada Tahap Ayat Bahasa Jepun	97
	I Bentuk Kesalahan Salah Pembentukan Partikel	97
	i Salah Pembentukan Kata nama + Objek + Partikel + Kata kerja	98
	Salah pembentukan Kata nama + Subjek + Partikel + Kata kerja	101
	Bentuk Kesalahan Salah Pembentukan Kata Kerja	104
	Salah Pembentukan Kata kerja + <i>Imasu / Arimasu</i>	106
	Salah Pembentukan Konjugasi Kata Kerja	107
	Bentuk Kesalahan Salah Pembentukan Kata Nama	112
	Salah Bentuk Pilihan kata Nama	114
	Bentuk Kesalahan Salah Pembentukan Kata Adjektif	115
	Salah Susun	117
	Salah Susun Kata Nama + Partikel	118
	Salah Susun Kata Nama	119
	Membincangkan Halangan-Halangan yang Dihadapi oleh Pelajar Melayu dalam Penulisan Bahasa Jepun.	119
	Generalisasi Melampau (<i>Over-generalization</i>)	122
	Struktur ayat	122
	Istilah Khusus	124
	Pengabaian Peraturan Terhad. [<i>Ignorance of rule restrictions</i>]	125
	Bentuk Negatif Kata Adjektif	126
	Applikasi Peraturan Tidak Sempurna (<i>Incomplete application of rules</i>)	126
	Partikel	127
	Hipotesis Konsep Salah (<i>False Concepts Hypothesized</i>)	128
	Merumuskan Faktor Bukan Linguistik yang Mempengaruhi Pelajar Melayu Melakukan Kesalahan Bahasa dalam Penulisan Bahasa Jepun	130
	Penguasaan bahasa Jepun dalam penulisan	132
	Kesukaran bahasa Jepun	133
	Masa latihan penulisan di dalam kelas	135
	Pendapat anda setelah mempelajari bahasa Jepun	137
	Peluang mempraktikkan bahasa Jepun	139
	Faktor –Faktor Bukan Linguistik Yang Lain	140
	Rumusan Hasil Dapatan Kajian	141
	Kesimpulan	142
5	RUMUSAN DAN CADANGAN	143
	Pengenalan	143
	Rumusan Kajian	143
	Implikasi Dapatan Kajian	144
	Cadangan untuk Mengatasi Kelemahan Penguasaan Bahasa Jepun	145
	Cadangan Kajian Masa Hadapan	146
	Penutup	146

RUJUKAN	147
LAMPIRAN	159
BIODATA PELAJAR	191
SENARAI PENERBITAN	192



SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
1.1 Perbezaan antara susunan ayat bahasa Jepun dengan ayat bahasa Melayu	11
1.2 Perbezaan Perubahan Bentuk Kata Sifat Bahasa Jepun dan Bahasa Melayu	20
2.1 Penerangan Terperinci Tentang <i>Surface Strategy Taxonomy Dulay, Burt & Krashen (1982)</i>	34
4.1 Penghilangan “Kopula です (desu)”	67
4.2 Penghilangan “さん (san)”	69
4.3 Penghilangan partikel “no”	72
4.4 Penghilangan partikel “wa”	74
4.5 Penghilangan partikel “ga”	75
4.6 Penghilangan partikel “o”	77
4.7 Penghilangan partikel “to”	78
4.8 Penghilangan partikel “ni”	80
4.9 Penghilangan partikel “de”	82
4.10 Penghilangan partikel “e”	84
4.11 Penghilangan kata nama umum “koto”	85
4.12 Penambahan penanda berganda (<i>Double Marking Addition</i>) “ni”	88
4.13 Penambahan penanda berganda (<i>Double Marking Addition</i>) “mai”, “hirugogan”	89
4.14 Penambahan penanda berganda (<i>Double Marking Addition</i>) “gogo”	90
4.15 Penambahan ‘regularisasi’ atau pengabaian hukum sistem bahasa “no”	91
4.16 Penambahan ‘regularisasi’ atau pengabaian hukum sistem bahasa “wa”	91

4.17	Penambahan ‘ <i>regularisasi</i> ’ atau pengabaian hukum sistem bahasa “komikku”	92
4.18	Penambahan mudah “ka”	94
4.19	Penambahan mudah “densha”	95
4.20	Penambahan mudah “shitai”	95
4.21	Kesalahan pembentukan partikel “no”	98
4.22	Kesalahan pembentukan partikel “ni”	98
4.23	Kesalahan pembentukan partikel “to”	99
4.24	Kesalahan pembentukan subjek + partikel	101
4.25	Kesalahan pembentukan partikel “wa”, “ni”, “de”	101
4.26	Kesalahan pembentukan partikel “o”	104
4.27	Salah pembentukan kata kerja + “imasu / arimasu”	107
4.28	Kesalahan pembentukan konjugasi kata kerja bentuk kamus	108
4.29	Kesalahan pembentukan konjugasi kata kerja “suimasu”	108
4.30	Kesalahan pembentukan konjugasi kata kerja yang betul	110
4.31	Kesalahan pembentukan konjugasi kata kerja “kimasu”	111
4.32	Kesalahan pembentukan istilah	113
4.33	Kesalahan pembentukan Pilihan Kata Nama	114
4.34	Salah Bentuk Kata Adjektif Bentuk Negatif	116
4.35	Salah Bentuk Kata Adjektif + Kata Nama	117
4.36	Kesalahan penyusunan kata nama + partikel	118
4.37	Kesalahan penyusunan kata nama	119
4.38	Generalisasi Melampau Struktur Ayat (Ayat salah)	123
4.39	Generalisasi Melampau Struktur Ayat (Ayat betul)	124
4.40	Generalisasi Melampau Istilah Khusus	124
4.41	Pengabaian Peraturan Terhadap Bentuk Negatif Kata Adjektif	126

4.42	Aplikasi Peraturan Tidak Sempurna Partikel “e”	127
4.43	Aplikasi Peraturan Tidak Sempurna Partikel Kata nama partikel + kata kerja	128
4.44	Hipotesis Konsep Salah Istilah “Ni Juu Sai”	128
4.45	Hipotesis Konsep Salah Istilah “Fujiyama”	129
4.46	Hipotesis Konsep Salah Istilah “isogashii”	129
4.47	Hipotesis Konsep Salah Istilah “arimasu”	130
4.48	Penguasaan bahasa Jepun dalam penulisan	132
4.49	Kesukaran bahasa Jepun	133
4.50	Masa latihan penulisan di dalam kelas	135
4.51	Pendapat anda setelah mempelajari bahasa Jepun	137
4.52	Peluang mempratikkan bahasa Jepun	139

SENARAI SINGKATAN

ASEAN	Association of Southeast Asian Nations
MARA	Majlis Amanah Rakyat
FBMK	Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
BJS	Bahasa Jepun Standard
UNESA	Universiti Negeri Surabaya
IPTS	Institut Pengajian Tinggi Swasta
UPM	Universiti Putra Malaysia
FPKI	Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
UniSZA	Universiti Sultan Zainal Abidin
AK	Analisis Kesalahan
SPSS	<i>Statistical Package for the Social Sciences</i>

BAB 1

PENDAHULUAN

Pengenalan

Pelajar Melayu yang mempelajari bahasa Jepun sebagai bahasa asing di Universiti Putra Malaysia tidak terlepas daripada menghadapi masalah atau kesulitan dalam proses pembelajaran bahasa Jepun. Masalah tersebut disebabkan oleh pelbagai faktor antaranya seperti gangguan bahasa ibunda, pengetahuan linguistik bahasa sasaran yang rendah dan faktor bukan linguistik. Kajian-kajian lepas (Kellerman, 1984; Kellerman & Sharwood Smith, 1986; Ringbom, 1987; Odlin, 1989) menyatakan bahawa bahasa ibunda mempunyai pengaruh yang kuat dalam proses pembelajaran bahasa sasaran. Hal ini kerana kebanyakan pelajar bahasa asing cenderung menggunakan pengetahuan bahasa ibunda mereka ketika mempelajari bahasa sasaran.

Selain itu, mudah atau sukar pembelajaran bahasa asing turut bergantung kepada persamaan atau perbezaan antara bahasa ibunda dengan bahasa sasaran (Kellerman, 1978; Swan, 1997). Walau bagaimanapun, beberapa dapatan kajian tentang pembelajaran bahasa kedua (Fries, 1945; Lado, 1957) mendapati bahawa perbezaan antara bahasa ibunda dengan bahasa sasaran akan menimbulkan masalah kepada pelajar khususnya dalam konteks untuk menguasai bahasa sasaran. Hal ini disokong dengan kenyataan Tarigan (1992) yang menegaskan bahawa pengaruh bahasa ibunda terhadap bahasa sasaran adalah sangat ketara. Hal ini bermaksud, pengaruh bahasa ibunda yang tidak selaras dengan sistem linguistik bahasa sasaran lazimnya akan menyebabkan 'gangguan'. Gangguan ini berpotensi mencetuskan kekeliruan dan kesalahan penggunaan bahasa sasaran. Dalam masa yang sama, gangguan itu sendiri adalah kesan perbezaan sistem linguistik antara bahasa ibunda dengan bahasa sasaran. Perbezaan sistem linguistik antara bahasa ibunda dengan bahasa sasaran akan mewujudkan permasalahan dan kesalahan dalam pembelajaran bahasa sasaran (Dulay & Burt, 1972). Hal ini dapat dilihat dalam kajian Brown et al. (2000) yang mengkaji golongan pelajar natif bahasa Inggeris yang mempelajari empat jenis bahasa asing iaitu bahasa Perancis, bahasa Itali, bahasa Indonesia dan bahasa Jepun pada peringkat sekolah menengah. Hasil kajian mendapati semua responden menunjukkan pencapaian yang rendah dalam ujian bahasa Jepun berbanding dengan bahasa Perancis, bahasa Itali dan bahasa Indonesia. Hal ini berlaku kerana perbezaan sistem linguistik antara bahasa Jepun dengan bahasa Inggeris yang menyebabkan responden cenderung melakukan kesalahan dan sekali gus mengurangkan tahap pencapaian mereka dalam ujian bahasa Jepun.

Seterusnya, Sudjianto (2014) menyatakan bahawa bahasa Jepun memiliki ciri yang unik dari segi sistem tulisan, sistem lisan, aspek tatabahasa, ragam bahasa dan kosa kata yang berbeza dengan bahasa-bahasa lain. Laras bahasa Jepun turut dipengaruhi faktor sosial dan budaya seperti dialek, kelas sosial, gender dan usia penutur (Sudjianto, 2002). Tidak kurang pentingnya ialah struktur ayat bahasa Jepun yang berbeza dengan

struktur ayat bahasa Melayu. Hal ini dapat dilihat dalam susunan ayat yang berbentuk S-O-K (Subjek-Objek-Kata Kerja). Susunan ayat bahasa Jepun yang lengkap juga harus disisip dengan partikel atau penanda wacana. Sebagai contohnya:

がくせいは レストランで ごはんを 食べます。

Gakusei wa restoran de gohan o tabemasu.

Pelajar (partikel) restoran (partikel) nasi (partikel) makan.

“Pelajar makan nasi di restoran.”

Kata nama *gakusei* dalam bahasa Melayu bermakna ‘pelajar’ yang berfungsi sebagai subjek (*shugo*) dalam ayat dan disertai oleh partikel ‘wa’ (は). ‘Restoran’ (*joukyougo*) ialah kata pinjaman daripada bahasa Inggeris yang ditulis dengan huruf Katakana yang diikuti dengan partikel ‘de’ (で) yang bererti ‘di’. Unsur objek (*taishougo*) ialah *gohan* yang bermakna ‘nasi’ dan lazim diikuti oleh partikel ‘o’ (を). Kata *tabemasu* yang bermakna ‘makan’ berfungsi sebagai predikat (*jutsugo*) dan kebiasaannya terletak pada akhir ayat. Susunan ini berbeza dengan susunan dalam ayat bahasa Melayu yang berbentuk S-KK-O (Subjek-Kata Kerja-Objek). Sebagai contohnya, “Pelajar sekolah membaca buku di kelas”. Perbezaan antara susunan perkataan dalam ayat bahasa Melayu dengan susunan perkataan dalam ayat bahasa Jepun seperti yang dibincangkan ini menyebabkan kebarangkalian pelajar Melayu melakukan kesalahan dalam penulisan bahasa Jepun adalah tinggi.

Selanjutnya dan berhubung perkara ini, pemerhatian pengkaji di dalam kelas pembelajaran bahasa Jepun mendapati pelajar Melayu lazimnya melakukan kesalahan akibat gangguan bahasa ibunda dan penguasaan bahasa Jepun yang terhad. Dalam pembinaan ayat bahasa Jepun sama ada melalui penulisan mahupun lisan, pelajar Melayu cenderung untuk menulis ayat dalam bahasa Melayu terlebih dahulu, sebelum menterjemahkannya ke dalam bahasa Jepun (data temu bual kajian). Hal ini disokong oleh kajian Zoraida Mustafa (2009) yang menunjukkan jumlah kesalahan penggunaan kata sendi nama bahasa Jepun oleh para pelajar adalah sebanyak 80 kesalahan. Kajian tersebut menjelaskan punca permasalahan ini adalah disebabkan kecenderungan pelajar berfikir dalam bahasa ibunda semasa menulis karangan dalam bahasa Jepun justeru menyebabkan struktur ayat bahasa Jepun yang betul hilang kerana dipengaruhi struktur ayat bahasa Melayu. Oleh itu bagi mengatasi masalah ini, pelajar wajar mengambil kira beberapa aspek utama dalam pembinaan struktur ayat bahasa Jepun berdasarkan sistem linguistik bahasa Jepun yang betul.

Seterusnya, kajian mendapati kesalahan pembinaan struktur ayat dalam bahasa Jepun seperti yang dibincangkan ini berlaku disebabkan rata-rata pelajar Melayu yang mengambil kursus bahasa Jepun peringkat permulaan berada dalam Tahap 1. Pada tahap ini, pembelajaran pelajar terhad kepada 500 kosa kata dan 31 pola ayat dalam tempoh 14 minggu. Hal ini menyebabkan tahap pengetahuan, penguasaan dan kemahiran pelajar terhadap sistem linguistik bahasa Jepun adalah terhad dan kecil. Antara kesalahan lazim yang berlaku pada peringkat ini juga ialah kesalahan dari aspek sebutan, ejaan, pemilihan kosa kata, struktur ayat dan sebagainya. Corder (1981)

mendefinisikan kesalahan ini sebagai kesalahan prasistematik iaitu merujuk kepada kesalahan yang berlaku akibat peralihan daripada sistem bahasa ibunda kepada sistem bahasa sasaran. Kesalahan ini turut dikenali sebagai ‘kesalahan bahasa antara’ (*interlanguage error*) seperti yang diperkenalkan oleh pengkaji-pengkaji bahasa antaranya Selinker (1969), Nemser (1971), Coder (1974) dan Richards (1974).

Seterusnya perbincangan beralih kepada konteks pemerolehan bahasa asing (*foreign language acquisition*). Dalam konteks ini, terdapat ‘bahasa antara’ (*interlanguage*) yang bukan bahasa ibunda (*native language*), dan bukan bahasa sasaran (*target language*). Bahasa antara (*interlanguage*) merupakan satu sistem linguistik yang unik dan sentiasa berkembang atas satu kontinum yang terletak antara bahasa ibunda dengan bahasa sasaran. Hal ini kerana bahasa antara (*interlanguage*) memiliki sistem linguistik dan ciri-ciri yang tersendiri (Corder, 1971; Adjemian, 1976). Pelajar yang dapat mengikuti proses pembelajaran bahasa sasaran dengan baik akan terdorong untuk menghasilkan rumus-rumus hipotesis berdasarkan sistem linguistik bahasa antara (*interlanguage*). Kebarangkalian untuk pelajar berjaya dalam proses ini adalah tinggi sekiranya terdapat persamaan antara sistem linguistik bahasa antara (*interlanguage*) dengan sistem linguistik bahasa sasaran. Namun, sekiranya berlaku percanggahan antara sistem linguistik bahasa antara (*interlanguage*) dengan sistem linguistik bahasa sasaran, pelajar perlu menyemak semula hipotesisnya atau menolak hipotesis sedia ada dan mencuba hipotesis baru. Kesalahan yang wujud dalam proses inilah yang dikenali sebagai ‘kesalahan bahasa antara’ (*interlanguage error*). Kesalahan ini menunjukkan bahawa struktur sistem linguistik bahasa ibunda pelajar mempengaruhi pemerolehan bahasa sasaran. Lado (1957) berpendapat punca kesalahan ini adalah disebabkan gangguan daripada bahasa ibunda. Dengan kata lain, kesalahan bahasa antara (*interlanguage errors*) berlaku akibat gangguan daripada bahasa ibunda.

Selanjutnya dan bertentangan dengan pandangan di atas, kajian oleh Yoshikawa (1997), Hama (2005) dan Zoraida Mustafa (2009) menjelaskan bahawa kefahaman yang tidak sempurna tentang bahasa kedua ialah punca utama pelajar bahasa Jepun cenderung melakukan kesalahan dalam proses pembelajaran. Menurutnya, kesalahan ini dipengaruhi oleh cara pembelajaran yang salah atau tidak sempurna kesan daripada kecacatan dan pengetahuan pelajar yang terhad tentang sistem linguistik bahasa Jepun. Pada tahap ini, pelajar lazimnya membuat hipotesis berdasarkan pengetahuan yang telah diperolehnya. Namun, disebabkan pengetahuan yang terhad dan penguasaan yang kurang mahir, kesalahan tidak dapat dielakkan. Corder (1981) mendefinisikan kesalahan ini sebagai kesalahan sistematik iaitu merujuk kepada kesalahan yang berlaku akibat pengetahuan terhad tentang sistem linguistik bahasa sasaran yang dipelajari. Richards et al. (1992) pula mendefinisikan kesalahan tersebut sebagai ‘kesalahan *intralingual*’, iaitu kesalahan yang berlaku kerana pelajar masih belum memahami sistem linguistik bahasa Jepun itu sendiri. Dalam konteks ini juga, Taylor (1975) menyimpulkan bahawa pelajar bahasa asing pada tahap ini cenderung membuat generalisasi umum tentang sistem linguistik bahasa sasaran, mengurangkan kelewahan aspek bahasa dan meninggalkan peraturan bahasa sasaran yang tidak dipelajari.

Selain itu, gangguan bahasa ibunda atau penguasaan sistem linguistik bahasa Jepun yang tidak sempurna turut menjadi punca pelajar melakukan kesalahan bahasa dalam kemahiran lisan dan penulisan bahasa Jepun. Terdapat juga faktor-faktor bukan linguistik yang menyumbang kepada kesalahan penggunaan bahasa oleh pelajar. Faktor-faktor bukan linguistik ini antaranya ialah sikap pelajar. Kajian oleh Goh & Ng (2004) yang tertumpu pada aspek pembelajaran bahasa Mandarin mendapati sikap pelajar merupakan faktor penting yang menentukan kejayaan atau kegagalan pelajar dalam pembelajaran bahasa asing. Kajian Cheun et al. (2009) pula menegaskan bahawa faktor penting lain yang menyumbang kepada masalah pembelajaran bahasa asing adalah disebabkan kurang latihan tatabahasa, kurang pendedahan kepada alam persekitaran bahasa, kesuntukan masa, kekeliruan maksud dan kecuaiannya pelajar. Masalah-masalah ini menjadi antara punca pelajar melakukan kesilapan sintaksis.

Seterusnya, perbincangan beralih kepada aspek kemahiran dalam bahasa Jepun. Terdapat empat bentuk kemahiran dalam sistem pembelajaran bahasa Jepun iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Kemahiran menulis dalam bahasa Jepun juga dikenali sebagai 作文 (*Sakubun*). Menurut Ahmad Dahidi dan Sudjianto (2004), berdasarkan kajian empirikal yang telah dilakukan mendapati pelajar lazimnya menghadapi kesulitan ketika menulis sebuah karangan bebas dalam bahasa Jepun. Sehubungan itu, mengenal pasti kesalahan bahasa dalam dokumen bertulis seperti karangan bahasa Jepun dianggap penting dan berguna kepada pelajar bahasa Jepun supaya dapat menghasilkan karangan yang terlepas daripada kesalahan bahasa. Selain itu, data-data yang diperolehi daripada analisis kesalahan bahasa dalam karangan bahasa Jepun dapat memberi maklum balas tentang tahap penguasaan bahasa Jepun pelajar. Secara tidak langsung dapatan analisis dapat memberikan panduan kepada pengajar bahasa Jepun untuk menyenaraikan ciri pemarkahan untuk karangan (Chodorow et al., 2012). Hal ini menjadikan analisis kesalahan bahasa dianggap sebagai satu tindakan dan proses pembelajaran secara formal dan sistematik untuk mengenal pasti tahap kesulitan dan masalah dalam proses pembelajaran bahasa (Parera, 1997). Berhubung perkara ini, James (1998) menjelaskan, *“error analysis is the process of determining the incidence, nature, causes and consequences of unsuccessful language learning.”* Hal ini kerana analisis kesalahan dapat mengesan punca kesalahan dan seterusnya mendapatkan penyelesaian. Menurut Corder (1974) analisis kesalahan bahasa merangkumi semua aspek bahasa seperti tatabahasa, ejaan, sebutan, penggunaan perkataan dan istilah.

Selanjutnya, pengamatan pengkaji mendapati kebanyakan kajian tentang kesalahan bahasa tertumpu kepada bahasa Inggeris. Namun, terdapat sebilangan kecil kajian tentang kesalahan bahasa dalam bahasa-bahasa lain. Dalam hal ini, pengkaji mengambil inisiatif untuk mengenal pasti kesalahan bahasa dalam kalangan pelajar Melayu yang menulis karangan bahasa Jepun di Universiti Putra Malaysia. Bertolak dari situ, kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk menganalisis, membincangkan dan merumuskan kesalahan bahasa yang dilakukan pelajar Melayu dalam tugas penulisan bahasa Jepun yang diambil. Dapatan kajian ini diharapkan dapat memberikan panduan untuk membantu guru atau tenaga pengajar mendapat kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan untuk mencegah dan mengurangkan kesalahan bahasa dalam kalangan pelajar Melayu yang mempelajari bahasa Jepun sebagai bahasa asing di Malaysia.

Bahasa Jepun sebagai Bahasa Asing di Malaysia

Dalam konteks negara Malaysia, bahasa Jepun dianggap sebagai bahasa ketiga atau bahasa asing. Kajian mendapati bahasa Jepun telah mula diajar di Malaysia semenjak Perang Dunia Ke-2. Pada tahun 1943, pelajar Melayu yang terpilih telah dihantar untuk belajar di Jepun oleh Kerajaan Jepun (Ban, 2001). Pada tahun 1982, Program Dasar Pandang ke Timur yang diperkenalkan Tun Dr. Mahathir Mohamad iaitu Perdana Menteri Malaysia ke-4 menyumbang kepada perkembangan perhubungan ekonomi dan politik antara Malaysia dengan Jepun. Sejak tahun 1983 dan melalui Program Dasar Pandang ke Timur ini, kerajaan Malaysia telah menghantar sejumlah 2,410 pelajar Malaysia untuk belajar di Jepun. Hal ini menjadikan jumlah bilangan pelajar dan orang awam yang berminat dengan negara matahari terbit dan bahasa Jepun ini meningkat secara mendadak.

Seterusnya, statistik oleh Yayasan Jepun menunjukkan peningkatan dalam bilangan pelajar yang mempelajari bahasa Jepun di negara ASEAN (*Association of Southeast Asian Nations*) pada tahun 2012. Menurut statistik, jumlah pelajar bahasa Jepun di Indonesia adalah sebanyak 872,000, meningkat sebanyak 21.8%, Thailand sebanyak 129,000, iaitu meningkat sebanyak 64.5% dan 33,000 orang pelajar bahasa Jepun di Malaysia, naik 44.7 % (*Japan Times*, 2013).

Berdasarkan statistik tersebut, dapat dilihat bahawa keperluan mempelajari bahasa Jepun sebagai bahasa kedua atau bahasa asing semakin mendapat perhatian dan minat kebanyakan institusi pengajian tinggi di seluruh Malaysia. Empat Pusat Persediaan Pelajar ke Jepun telah ditubuhkan untuk kemudahan pelajar-pelajar Malaysia mengikuti kursus persediaan sebelum melanjutkan pelajaran ke negara Jepun. Pusat persediaan tersebut ialah Pusat Matrikulasi Jepun (Yayasan Pelajaran MARA), Pusat Persediaan Kajian Teknikal ke Jepun (Universiti Teknologi Malaysia), Program Dasar Pandang ke Timur (Universiti Teknologi MARA) dan Pusat Ambang Asuhan Jepun (Universiti Malaya). Selain itu, bahasa Jepun turut diajar di beberapa buah sekolah dan institusi pengajian tinggi. Tidak ketinggalan, Kementerian Pelajaran Malaysia merancang untuk menambah lebih banyak sekolah berasrama penuh dan sekolah menengah harian yang mengajar bahasa Jepun sebagai bahasa ketiga atau bahasa asing selepas bahasa Melayu dan Inggeris. Pengaruh bahasa Jepun dalam kalangan masyarakat Malaysia yang semakin popular ini juga terbukti dengan kenyataan mantan Ketua Pengarah Pelajaran, Tan Sri Alimuddin Mohd. Dom bahawa kementerian akan menambah tenaga pengajar bahasa Jepun di sekolah-sekolah yang terbabit pada setiap tahun. Sehingga tahun 2008, sebanyak 43 buah sekolah berasrama penuh dan 29 buah sekolah menengah harian terlibat dalam program bahasa Jepun, sekali gus menjadikan Malaysia sebagai negara ke-12 dengan kadar penduduk paling tinggi mempelajari bahasa Jepun di dunia (Sumber: Bernama, 3/11/2009).

Selanjutnya, pada peringkat institusi pengajian tinggi, rata-rata institusi pengajian tinggi awam menawarkan bahasa Jepun sebagai kursus kemahiran bahasa asing pilihan. Sebagai contoh, kursus kemahiran bahasa Jepun mula diperkenalkan dan ditawarkan oleh Jabatan Bahasa melalui Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia

sejak tahun 1975. Pada Januari 1995, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK) ditubuhkan dan unit Bahasa Jepun diletakkan di bawah Jabatan Bahasa Asing. Bahasa Jepun merupakan salah satu kursus kemahiran bahasa asing yang paling popular dalam kalangan pelajar di institusi ini. Pembelajaran bahasa Jepun dijalankan dua kali seminggu, iaitu 2 jam dan 1 jam bagi setiap kuliah. Secara keseluruhan, pelajar bahasa Jepun mempelajari bahasa Jepun sebanyak 42 jam bagi satu semester untuk satu tahap. Hal ini bermakna sekiranya pelajar mempelajari bahasa Jepun sehingga tahap yang paling tinggi, iaitu Tahap 3, pelajar hanya mempunyai kira-kira 126 jam waktu pembelajaran. Pelajar yang mengikuti program Sarjana Muda di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi disyaratkan mengambil kursus kemahiran bahasa asing sehingga Tahap 2 sebagai kursus pilihan wajib. Pelajar dari fakulti luar seperti Fakulti Sains Komputer, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Fakulti Kejuruteraan dan lain-lain hanya dibenarkan mengambil kursus bahasa Jepun Tahap 1 sebagai kursus pilihan bebas. Antara universiti lain yang turut menawarkan kursus Bahasa Jepun ialah Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Utara Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Universiti Malaysia Sabah, Universiti Teknologi MARA, Universiti Malaysia Sarawak dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (Ainol Madziah et al., 2007).

Selanjutnya, penerimaan baik Malaysia terhadap bahasa Jepun seperti yang dibincangkan ini mendapat perhatian Duta Besar Jepun ke Malaysia iaitu Masahiko Horie. Menurutny, penekanan kepada pembangunan modal insan oleh mantan Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi telah membantu Malaysia dan Jepun mengekalkan keakraban hubungan dua hala menerusi program pertukaran pelajar. Menurut Masahiko Horie, kejayaan dasar tersebut mendorong kerajaan Jepun untuk menambah jumlah kemasukan pelajar Malaysia yang melanjutkan pengajian ke universiti di Jepun (<http://www.utusan.com.my/utusan:5> April 2008). Pada tahun 2015, perkembangan baik ini dilihat berterusan berdasarkan statistik yang menunjukkan sejumlah 2,475 orang pelajar Malaysia berjaya melanjutkan pengajian di Jepun (Sumber: *Laporan Statistik Pelajar*, Bahagian Pemasaran Pendidikan, Kementerian Pengajian Tinggi, 2015).

Turut menyumbang kepada penerimaan positif masyarakat Malaysia terhadap bahasa Jepun ialah kemasukan drama, filem animasi (*anime*), majalah, buku komik Jepun (*manga*), muzik, lagu dan syarikat-syarikat Jepun. Perkara-perkara ini mendorong golongan pelajar dan orang awam untuk mempelajari bahasa Jepun secara formal atau tidak formal khususnya untuk tujuan komunikasi. Situasi ini memperlihatkan bahawa kepelbagaian berbahasa menjadi suatu kelaziman dalam era globalisasi yang menuntut komunikasi rentas benua. Oeh itu, seiring dengan pelbagai kemajuan yang dicapai dan yang dimatlamatkan, penguasaan dan komunikasi dalam bahasa kedua dan bahasa asing tidak dapat dinafikan atau dielakkan.

Pembelajaran Bahasa Jepun sebagai Bahasa Asing

Sejajar dengan berkembangnya elemen budaya pop Jepun seperti drama, filem animasi (*anime*), majalah, buku komik Jepun (*manga*), muzik dan lagu bagi menarik

masyarakat antarabangsa mengenali tradisi serta bahasa mereka, pembelajaran bahasa asing yang lain juga semakin mendapat perhatian dari segenap lapisan masyarakat. Hal ini juga disebabkan permintaan semasa terhadap penggunaan bahasa asing yang meluas di pasaran antarabangsa sama ada bahasa Mandarin, bahasa Jepun atau bahasa Perancis. Setiap bahasa ini mempunyai kelebihan dan keutamaannya tersendiri dalam sektor pasaran yang berbeza (Hazlina Halim et al, 2011).

Sungguhpun begitu, dalam konteks perbincangan tentang pembelajaran bahasa asing, proses mempelajari bahasa asing yang bukan bahasa ibunda dalam konteks persekitaran bukan natif adalah satu proses yang sulit. Rata-rata individu atau pelajar cenderung melakukan kesalahan dalam proses pembelajaran bahasa Jepun sama ada dalam bentuk lisan atau tulisan. Hal ini secara tidak langsung mempengaruhi kebolehan pelajar untuk mencapai keputusan yang cemerlang dalam kursus bahasa Jepun yang diambil. Kenyataan ini disokong oleh Corder (1967) yang menegaskan bahawa setiap individu yang mempelajari bahasa asing melakukan kesalahan bahasa pada dua tahap. Tahap pertama merujuk kepada permulaan proses pembelajaran. Tahap kedua berlaku apabila pelajar telah mempunyai tahap penguasaan yang tinggi dalam bahasa lain.

Seterusnya, pengamatan terhadap kajian-kajian lepas tentang analisis kesalahan bahasa Jepun oleh kajian Ong Shyi Nian dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2015), Choong Pow Yean (2005), Matsumoto (2010) menjelaskan bahawa faktor *interlingual* merupakan faktor utama pelajar melakukan kesalahan bahasa dalam proses pembelajaran bahasa Jepun. Kesalahan *interlingual* ditakrifkan sebagai kesalahan yang terhasil kesan kecenderungan pelajar membina frasa atau ayat dalam bahasa sasaran berdasarkan sistem bahasa ibundanya (Richards et al., 1992). Dengan kata lain, pelajar cenderung memindahkan aspek-aspek linguistik bahasa ibundanya ke dalam bahasa sasaran. Hal ini berlaku kerana sistem bahasa ibunda pelajar dianggap mengganggu atau menghalang pelajar daripada menguasai bahasa sasaran yang dipelajari (Corder, 1981). Kenyataan ini disokong oleh kajian Money (2004) yang mendapati kesalahan yang disebabkan faktor *interlingual* adalah yang paling banyak dilakukan oleh responden kajian dalam aktiviti penulisan.

Selanjutnya, terdapat juga sarjana dan penganalisis kesalahan bahasa yang menjelaskan bahawa bahasa ibunda pelajar bukan faktor utama kepada kesalahan-kesalahan bahasa yang dilakukan pelajar bahasa asing. Terdapat beberapa faktor lain yang menyumbang kepada kesilapan yang dilakukan pelajar. Antaranya, kajian Abisamra (2003) menunjukkan perbezaan dapatan dalam kajiannya yang melibatkan pembelajaran bahasa Arab. Kajian beliau mendapati kesalahan *interlingual* adalah yang paling banyak dilakukan pelajar. Faktor kedua yang menyumbang kepada kesalahan pelajar ialah faktor *intralingual*. Hal ini disebabkan oleh sistem bahasa sasarannya sendiri dan sifat 'developmental' bahasa sasaran. Kesalahan *intralingual* ini turut dipengaruhi oleh cara pembelajaran yang salah atau tidak menyeluruh, misalnya kecacatan pemahaman tentang sistem linguistik bahasa sasaran. Dengan kata lain, kesilapan *intralingual* berpunca daripada lingkungan sistem linguistik bahasa sasaran itu sendiri.

Perbincangan seterusnya beralih kepada pengamatan Richards et al., (1992). Menurut Richards et al., (1992), kesalahan *intralingual* didefinisikan sebagai kesalahan yang berpunca daripada pembelajaran yang salah atau belum sempurna dalam bahasa kedua memandangkan pelajar belum menguasai bahasa sasaran. Dalam konteks ini, pelajar mungkin membuat hipotesis yang langsung tidak berkaitan dengan bahasa ibundanya atau bahasa keduanya ketika mempelajari bahasa sasaran. Hal ini terjadi apabila pelajar menghadapi masalah dalam menyusun ayat bahasa sasaran kerana tidak mengenali item-item bahasa-bahasa sasaran yang sedang dipelajari. Hal ini diburukkan lagi apabila pelajar tidak dapat menggunakan peraturan item-item bahasa dengan sempurna (*incomplete application rules*) secara langsung menyebabkan pelajar cenderung melanggar peraturan item-item bahasa dalam pembentukan struktur ayat dalam bahasa sasaran (Richards et al., (1992).

Akhir sekali ialah faktor ketiga yang berpunca daripada sikap pelajar dan faktor-faktor bukan linguistik seperti strategi cara belajar, teknik mengajar, pengetahuan kebudayaan tentang bahasa kedua, usia bilingualisme (masa yang dilalui pelajar dalam penggunaan bahasa kedua) dan situasi sociolinguistik pelajar (Jain, 1974). Dalam konteks ini, sikap merujuk kepada tingkah laku pelajar yang mempengaruhi proses pembelajaran bahasa asing seperti kecuai, sambil lewa dan tidak menumpukan perhatian yang menyebabkan proses pembelajaran bahasa asing tidak berjaya dilaksanakan. Hal ini disokong oleh Goh dan Ng (2004) yang berpendapat bahawa sikap merupakan faktor penentu kegagalan atau kejayaan pelajar dalam pembelajaran bahasa asing. Marzalina (2004) dalam kajiannya tentang pembelajaran bahasa Melayu pula mendapati pelajar gagal menguasai bahasa Melayu kerana mempunyai sikap seperti gemar bercakap semasa sesi kuliah, dan tidak menumpukan perhatian terhadap pembelajaran bahasa. Tuntasnya, bahasa Melayu sukar untuk dikuasai sebagai bahasa asing jika pelajar tidak berminat, tiada kemahuan dan tidak bermotivasi (Jyh, 2005). Faktor-faktor bukan linguistik juga merujuk kepada kekurangan sumber bahan pengajaran dan pembelajaran yang boleh mengganggu kejayaan proses pembelajaran bahasa asing seseorang pelajar. Faizah et al., (2010) dalam kajiannya mendapati kebanyakan pelajar asing yang mengikuti kursus bahasa Melayu di institusi pengajian tinggi menghadapi masalah dan lemah dalam menguasai kemahiran berbahasa Melayu disebabkan tempoh pembelajaran bahasa yang singkat.

Pada tahap ini, jelas bahawa faktor *interlingual*, *intralingual* dan bukan linguistik yang mempengaruhi kesalahan pelajar dalam penulisan bahasa Jepun perlu ditangani agar kelemahan pelajar bahasa Jepun dalam membina struktur ayat bahasa Jepun yang betul dapat diatasi dengan segera. Sekiranya perkara ini tidak diberi perhatian, proses pembelajaran bahasa Jepun akan bertambah rumit kerana kegagalan pelajar menguasai sistem linguistik bahasa Jepun dalam bentuk pertuturan atau penulisan. Oleh itu, perhatian terhadap masalah ini dapat mengelakkan kekeliruan dan kesalahan dalam kalangan pelajar bahasa Jepun khususnya dalam proses penyusunan struktur ayat dalam penulisan. Selain itu, analisis terhadap kesalahan yang dilakukan pelajar dapat memberikan gambaran yang lebih teliti tentang kelemahan dan kesalahan yang lazim dilakukan pelajar. Hal ini dapat membantu memperkaya pengetahuan dan kemahiran pelajar tentang penggunaan ayat dalam karangan bahasa Jepun yang betul dan dapat diaplikasikan pada penulisan-penulisan dalam bahasa Jepun yang lain.

Perbandingan antara Ayat Dalam Bahasa Jepun dengan Ayat dalam Bahasa Melayu

Ayat

Ayat merupakan satu siri susunan kata yang membolehkan kita membuat kenyataan, bertanya soalan, meluahkan fikiran, memberikan pendapat dan sebagainya. Ayat dalam bahasa Jepun (dalam bentuk tulisan Rumi atau *romaji*) bermula dengan huruf besar dan berakhir dengan noktah, bukan berakhir dengan tanda soal atau tanda seru. Hal ini berbeza dengan ayat dalam bahasa Melayu yang bermula dengan huruf besar dan berakhir dengan noktah, tanda soal atau tanda seru.

Contoh:

Yoko adalah berbangsa Jepun./ *Yoko-san wa Nohonjin desu.*

(penyata)

Adakah Yoko berbangsa Jepun?/ *Yoko-san wa Nohonjin desu ka.*

(soalan)

Yoko, sila berhati-hati!/ *Yoko-san ki o tsukete kudasai.*

(kata seru)

Susunan Ayat Bahasa Melayu

Ayat dalam bahasa Melayu disusun mengikut rumus subjek-kata kerja-objek (S+V+O) seperti kebanyakan sistem ayat dalam bahasa Eropah iaitu bahasa Inggeris, bahasa German, bahasa Sepanyol dan bahasa Itali. Hal ini menjadikan susunan perkataan dalam ayat lazim bahasa Melayu (ayat penyata dan bukan ayat tanya) bermula dengan subjek, diikuti oleh kata kerja dan berakhir dengan objek.

Contoh:

Subjek	kata kerja	objek
Ahmad	makan	nasi.
Saya	menonton	wayang.

Subjek dan Predikat


Ayat dalam bahasa Melayu terdiri daripada dua bahagian iaitu subjek dan predikat. Subjek merupakan 'siapa' atau 'apa' tentang sesuatu ayat tersebut. Subjek harus merupakan kata nama atau kata ganti nama. Subjek juga merupakan elemen pertama dalam ayat penyata. Predikat pula merujuk kepada bahagian daripada ayat yang menyatakan apa yang dikatakan atau diceritakan tentang subjek tersebut. Predikat biasanya terdapat secara langsung selepas subjek. Predikat juga mesti terdiri daripada kata kerja dan keseluruhan ayat yang bukan sebahagian daripada subjek.

Contoh subjek:

Ahmad bercakap bahasa Inggeris.

Subjek = orang yang bercakap bahasa Inggeris.

Contoh subjek dan predikat:



Susunan Ayat Bahasa Jepun

Ayat bahasa Jepun disusun mengikut rumus subjek-objek-kata kerja (S+O+V) seperti susunan ayat dalam bahasa Korea, bahasa Mongolia dan bahasa Turki. Hal ini bermakna susunan perkataan dalam ayat lazim bahasa Jepun akan bermula dengan subjek, diikuti objek dan berakhir dengan kata kerja.

Contoh:



Perbezaan ketara antara ayat dalam bahasa Melayu dan ayat dalam bahasa Jepun ialah kedudukan kata kerja. Dalam bahasa Jepun kedudukan kata kerja adalah pada akhir ayat, iaitu dalam susunan kata S+O +V [(S) subjek (O) objek dan (V) kata kerja] seperti yang dapat dilihat dalam contoh di bawah. Untuk makluman singkatan 'TL' dalam kajian ini merujuk kepada 'Terjemahan Langsung', dan singkatan 'BMS' merujuk kepada 'Bahasa Melayu Standard':

Tanaka-san wa uchi de gohan o tabemasu.

[Tanaka] [partikel] [tempat] [partikel] [objek] [partikel] [kata kerja transitif] TL :

Tanaka rumah di nasi makan.

BMS : Tanaka makan nasi di rumah.

Jadual 1.1 Perbezaan antara susunan ayat bahasa Jepun dengan ayat bahasa Melayu

Bahasa Jepun (S + O + V)


Bahasa Melayu (S + V + O)

Subjek (S)	Objek (O)	Kata Kerja (V)	Subjek (S)	Kata Kerja (V)	Objek (O)
<i>Maria-san wa</i> (Maria)	<i>gohan o</i> (nasi)	<i>tabemasu.</i> (makan)	Maria	makan	nasi
<i>Oniisan wa</i> (Abang)	<i>eiga o</i> (filem)	<i>mimashita.</i> (menonton)	Abang	menonton	filem

Subjek dan Predikat

Ayat dalam bahasa Jepun terdiri daripada dua bahagian, iaitu subjek dan predikat. Subjek mesti diikuti dengan partikel 'ga', manakala dalam topik pula, subjek mesti diikuti dengan partikel 'wa.' Walaupun bahasa Jepun mungkin mempunyai subjek atau topik, tetapi predikat merupakan bahagian penting dalam ayat bahasa Jepun. Predikat menjadi teras ayat dalam bahasa Jepun. Predikat datang pada akhir ayat bahasa Jepun yang terdiri daripada kata kerja, kata nama, kata adjektif dan bentuk kopula. Dalam bahasa Jepun, bentuk kopula terdiri daripada 'desu' atau 'ja arimasen.'

Contoh subjek dan predikat:



Subjek dalam Ayat Bahasa Jepun dan Bahasa Melayu

Ayat dalam bahasa Melayu memerlukan subjek yang jelas dalam setiap ayat kecuali ayat imperatif (contohnya, "berhenti!"). Walau bagaimanapun, dalam ayat bahasa

Jepun, subjek merupakan pilihan untuk semua jenis ayat. Kata kerja bahasa Jepun biasanya digunakan tanpa subjek atau ganti nama diri terutama apabila subjek sudah diketahui dalam konteks ayat. Sebagai contohnya, kata kerja *tabemasu* menerangkan perbuatan makan atau adanya perbuatan makan tanpa mempunyai hubungan dengan orang yang membuatnya. Sebagai contohnya:

Tabemasu – Saya makan

Dalam bahasa Melayu, subjek dan predikat mesti hadir bagi membina ayat yang lengkap. Namun dalam bahasa Jepun, ayat boleh difahami dengan hanya menyatakan predikat. Seperti dalam contoh di atas, “*tabemasu*” membawa maksud “Saya makan” walaupun subjek tidak dinyatakan sedangkan dalam bahasa Melayu ayat menjadi tidak lengkap dan tidak membawa makna “Saya makan” tanpa subjek “Saya”.

Bentuk Ayat Negatif

Bentuk ayat negatif dalam bahasa Melayu lazimnya menggunakan perkataan ‘tidak’ bagi semua jenis ayat. Walau bagaimanapun, bentuk ayat negatif dalam bahasa Jepun berbeza mengikut kategori ayat kata kerja, ayat kata nama dan ayat kata adjektif. Sebagai contohnya:

Maria san wa tabemasen – bentuk ayat negatif kata kerja.

Maria san wa sensei ja arimasen - bentuk ayat negatif kata nama.

Maria san wa shinsetsu ja arimasen - bentuk ayat negatif kata nama sifat.

Maria san wa isogashi kunai desu - bentuk ayat negatif kata adjektif.

Berdasarkan perbincangan setakat ini, jelas bahawa struktur dan bentuk ayat dalam bahasa Jepun dengan struktur dan bentuk ayat dalam bahasa Melayu amat berbeza. Hal ini kerana struktur dan bentuk ayat dalam bahasa Jepun lebih kompleks berbanding dengan struktur dan bentuk ayat dalam bahasa Melayu yang lebih mudah. Perbezaan ini berlaku kerana bahasa Jepun berasal dari rumpun bahasa Altaik seperti bahasa Korea, bahasa Mongolia dan bahasa Turki yang mempunyai bentuk negatif yang berbeza mengikut kategori jenis ayat. Hal ini tidak wujud dalam sistem bahasa Melayu yang berasal dari rumpun Austronesia.

Sistem Linguistik Bahasa Jepun

Bahasa Jepun merupakan antara bahasa asing yang paling popular dan dipelajari oleh pelajar-pelajar di institut pengajian tinggi awam dan swasta secara formal mahupun bukan formal di Malaysia. Namun demikian, bahasa Jepun seperti bahasa asing yang lain mempunyai aras kesukaran tertentu yang perlu dihadapi para pelajar sebelum

mencapai tahap kecekapan berkomunikasi seperti penutur natif untuk menyampaikan pendapat atau mesej kepada pasangan bicara. Oleh itu, pengetahuan dan penguasaan tentang linguistik bahasa Jepun adalah perlu khususnya kepada pelajar bahasa Jepun untuk membantu pelajar mengatasi masalah-masalah yang bakal dihadapi ketika mempelajari bahasa Jepun.

Seterusnya, perbincangan tentang asal usul bahasa Jepun dan hubungannya dengan bahasa-bahasa lain menawarkan pelbagai teori yang diutarakan sarjana bahasa Jepun. Dilihat dari bidang linguistik sejarah, Jepun mempunyai rekod sejarah bertulis yang agak terhad sekali gus menjadikan sejarah bahasa Jepun sukar dianalisis dengan data bahan bertulis dalam bahasa Jepun. Hal ini berbeza dengan bahasa Indo-Eropah yang memiliki data sejarah bahasa yang kaya dengan dokumen bertulis. Dalam hal ini, linguistik komparatif dan genetik bahasa merupakan bidang sains yang membuat perbandingan dan mengesan sejarah bahasa Jepun yang berkaitan golongan rumpun. Hal ini menyebabkan pelbagai teori yang sebahagiannya menunjukkan perkaitan antara bahasa Jepun dengan bahasa Korea, bahasa Altaik, bahasa Austronesia, bahasa Tibet dan bahasa Dravidia (Alpatov, 1998; Shibatani, 1992; Vance, 2001).

Sehingga hari ini, rumpun bahasa Jepun masih dipersoalkan kebanyakan sarjana bahasa dari negara Jepun sendiri mahupun dari luar negara Jepun. Hal ini kerana pembuktian tentang kedudukan bahasa Jepun dalam mana-mana rumpun bahasa dunia adalah sukar. Kebanyakan sarjana bahasa menyatakan bahawa bahasa Jepun sebagai satu bahasa yang terasing daripada mana-mana rumpun bahasa dunia. Namun, terdapat juga sarjana bahasa yang mengaitkan bahasa Jepun dengan rumpun bahasa yang dipertuturkan di pulau-pulau yang terletak di bahagian selatan dan barat daya negara Jepun, iaitu rumpun bahasa dari kepulauan Okinawa atau Ryukyu.

Seterusnya, kajian oleh Vance (2001) menawarkan beberapa bukti tentang kaitan antara bahasa Jepun dengan rumpun bahasa Ryukyu yang membentuk rumpun bahasa Jepun. Terdapat juga sarjana bahasa yang mengaitkan bahasa Jepun dengan bahasa Korea. Selain itu terdapat kajian tentang asal usul bahasa Jepun yang menunjukkan bahawa bahasa Jepun mempunyai perkaitan dalam rumpun bahasa Altaik dengan elemen-elemen dalam rumpun bahasa Austronesia. Namun demikian, kepastian tentang perkaitan ini belum dapat dibuktikan sehingga hari ini. Hal ini berkemungkinan kerana faktor hubungan genetik yang longgar antara bahasa Jepun dengan bahasa-bahasa lain. Kesukaran mengesahkan bukti-bukti sedia ada tentang sejarah bahasa Jepun ini juga adalah disebabkan ketiadaan teori membina yang boleh diuji kebenarannya melalui kajian perbandingan linguistik yang komprehensif.

Selanjutnya, Alpatov (1998) dalam kajiannya mendapati sistem fonologi bahasa Jepun lebih dekat dengan sistem fonologi rumpun bahasa Austronesia. Kosa kata bahasa Jepun klasik (kuno) pula dilihat mempunyai lebih banyak unsur dari rumpun bahasa Altaik. Hal ini membawa kepada hipotesis bahawa bahasa Jepun wujud hasil percampuran dua rumpun bahasa iaitu rumpun bahasa Austronesia (yang mungkin merupakan substrata bahasa Jepun) dan rumpun bahasa Altaik yang datang kemudian ke negara Jepun (Shibatani, 1992; Vance, 2001). Terdapat juga sebahagian sarjana dan

teoritis bahasa (Shibatani, 1992; Vance, 2001) menganggap bahasa Jepun sebagai bahasa yang terbentuk daripada satu bahasa *creole* lama.

Seterusnya, bahasa Jepun berbeza dari segi dialek standard dengan dialek-dialek bahasa yang lain. Bahasa Jepun standard yang dipelajari dan dipertuturkan kini adalah berdasarkan dialek Tokyo. Secara kasar, bahasa Jepun terbahagi kepada tiga kumpulan dialek iaitu dialek Timur (Timur dan Timur Laut Pulau Honshu, Pulau Hokkaido), dialek Barat (Barat Pulau Honshu dan Pulau Shikoku) dan dialek Selatan (Pulau Kyushu), (Alpatov, 1998). Dialek-dialek dari kawasan yang berbeza menyebabkan penutur antara satu dialek dengan dialek yang lain tidak saling memahami. Walau bagaimanapun, kebanyakan masyarakat Jepun boleh berkomunikasi dalam bahasa Jepun standard iaitu yang berasaskan dialek Tokyo.

Selanjutnya, bahasa Jepun moden bermula sebagai bahasa pertuturan kumpulan elit dan terpelajar di Tokyo, iaitu pusat pemerintahan zaman Maharaja Meiji (1868-1912). Apabila pusat pemerintahan dan pentadbiran berpindah dari Kyoto ke Tokyo pada era yang dikenali sebagai 'era pengembalian dan pemerintahan Maharaja Meiji' iaitu pada tahun 1868, bahasa pertuturan kumpulan elit dan terpelajar dibakukan dan diubah kepada bahasa Jepun standard seperti yang dipelajari dan dipertuturkan pada hari ini. Bahasa Jepun moden atau dialek standard Tokyo ini turut menerima pengaruh pelbagai dialek khususnya dialek Kansai. Hal ini mendapat perhatian daripada penutur natif bukan Jepun kerana dialek Kansai hanya boleh difahami oleh sebahagian golongan. Sebagai contohnya, ungkapan "Terima Kasih" dalam bahasa Jepun standard ialah "*arigatou gozaimasu*" yang dalam dialek Kansai disebut sebagai "*ookini*".

Setakat perbincangan ini, jelas bahawa bahasa Jepun mempunyai warisan yang kaya dan dipengaruhi oleh pelbagai bahasa. Asal usul bahasa Jepun adalah dari rumpun bahasa Altaik yang kemudiannya bercantum dengan rumpun bahasa Austronesia. Dalam perkembangan seterusnya, bahasa Jepun menerima pinjaman kosa kata daripada bahasa Cina, bahasa Portugis, bahasa Belanda, bahasa Inggeris dan beberapa bahasa Eropah yang lain.

Ciri-Ciri Bahasa Jepun

Apabila memperkatakan tentang sesuatu bahasa asing, sudah pasti bahasa Jepun juga seperti bahasa-bahasa asing lain iaitu mempunyai ciri-ciri yang perlu diketahui dan difahami oleh pelajar yang mempelajari bahasa Jepun. Ciri-ciri ini sangat penting dan diperlukan pelajar bahasa Jepun supaya dapat menyampaikan setiap maklumat dengan tepat kepada orang lain dengan menggunakan bahasa Jepun yang dipelajari. Dalam erti kata lain, pelajar bahasa Jepun dapat berkomunikasi dengan betul dan tepat agar maklumat yang disampaikan dapat diterima dengan baik dan tepat oleh penerima sama ada dalam bentuk lisan mahupun bentuk tulisan.

Selain itu, kajian dan perbincangan tentang sistem tulisan bahasa Jepun bertujuan untuk meluaskan pengetahuan dan kemahiran penulisan pelajar. Hal ini kerana terdapat banyak ciri dalam bahasa Jepun yang perlu difahami dan diketahui oleh pelajar bahasa Jepun untuk berkomunikasi dengan baik dan tepat. Menurut sarjana linguistik bahasa Jepun, Kindaichi (1986), ciri-ciri bahasa Jepun boleh dibahagikan kepada lima kumpulan iaitu 発音 (*hatsuon*), 文字 (*moji*), 語彙 (*goi*), 文法 (*bunpo*) dan 表現 (*hyogen*); yang boleh diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu sebagai sebutan, abjad, kosa kata, tatabahasa dan ekspresi. Sebagai permulaan, kajian ini akan membincangkan tentang 文字 (*moji*-abjad) yang digunakan dalam bahasa Jepun, atau lebih dikenali dengan sebutan *hyoki* berserta selok-beloknya. Kajian ini juga akan membincangkan tentang Kanji beserta jumlahnya, cara bacaan Kanji (漢字の読み方) iaitu *Hitsujun* (筆順), *BuShu* (部首), *Rikusho* (六書) dan juga huruf-huruf Hiragana, Katakana serta fungsinya masing-masing.

Seterusnya, masyarakat Jepun tidak mempunyai sistem tulisan untuk mencatat sejarah mereka. Oleh itu, sejarah Jepun diturunkan dari satu generasi ke satu generasi yang lain melalui cerita lisan. Apabila agama Buddha masuk ke negara Jepun melalui negara China pada abad ke-4 hingga abad ke-6, beberapa sarjana yang terdiri daripada golongan bangsawan terpilih telah dihantar ke negara China untuk mempelajari tulisan atau aksara Kanji bagi tujuan membaca dan mempelajari kitab agama Buddha. Golongan bangsawan ini dihantar untuk mempelajari kira-kira 50,000 huruf Kanji dan membawa balik tulisan Kanji ke negara Jepun untuk dipelajari oleh golongan bangsawan di istana. Namun demikian tulisan Kanji ini telah dipermudahkan sehingga menjadi huruf Hiragana dan Katakana (Takabe, 1993).

Sistem Tulisan Kanji (漢字)

Kanji (漢字) merupakan sejenis tulisan yang mempunyai ciri-ciri tersendiri dari segi cara bacaan dan cara penulisannya. Ciri-ciri tersendiri yang terdapat dalam aksara Kanji menyebabkan pelajar bahasa Jepun menghadapi masalah dalam mempelajari dan memahami sistem tulisan Kanji. Namun demikian, aksara Kanji sangat penting kepada pelajar bahasa Jepun kerana bentuk bahasa Jepun kaya dengan kosa kata dengan sebutan yang sama tetapi berlainan makna. Oleh itu, aksara Kanji dapat membantu pelajar bahasa Jepun daripada salah faham terhadap kosa kata yang mempunyai sebutan yang sama. Sebagai contoh, kosa kata 話す (*hanasu*-berbual), 離す (*hanasu*-melepaskan genggam tangan), 放す (*hanasu*-melepaskan sesuatu objek). Hal ini selari dengan kenyataan Takabe (1993) bahawa aksara Kanji ialah 表意文字 (*hyooi moji*-abjad lambang makna), kerana setiap aksara menyatakan makna atau erti bagi sesuatu kosa kata. Menurut Takabe (1993) lagi, satu perkara yang unik dan penting dalam aksara Kanji adalah setiap aksara Kanji mempunyai tiga unsur asas iaitu 音, 形, 义 (*on* , *kei* , *gi* = bunyi, bentuk dan makna).

Selanjutnya, Kanji ialah bidang yang sukar dipelajari dalam bahasa Jepun, terutama oleh para pelajar bahasa Jepun yang tidak mempunyai latar belakang ‘budaya Kanji’ atau dalam bahasa Jepun disebut *hiKanjiken* (非漢字圏) iaitu negara yang tidak menggunakan huruf Kanji. Hal ini berlaku disebabkan banyak faktor antaranya ialah jumlah Kanji yang banyak untuk diingat, cara bacaan aksara Kanji yang berbeza-beza, *Hitsujun* (筆順 = cara menulis) yang harus diperhatikan secara betul, serta pengetahuan Kanji yang meliputi *BuShu* (部首 = bahagian Kanji yang menentukan erti) serta *Rikusho* (六書 = pembentukan dan penggunaan Kanji). Sementara itu dalam sistem bacaan, aksara Kanji dibahagikan kepada dua cara iaitu *訓読み*—*Kun-yomi* dan *音読み*—*On-yomi*. *訓読み* (*Kun-yomi*) ialah cara baca Kanji secara ucapan asal bahasa Jepun, sedangkan *音読み* (*On-yomi*) ialah kaedah baca Kanji dengan cara meniru ucapan dari negara China tetapi diubah suai dan disesuaikan dengan ucapan Jepun. Jumlah *訓読み* (*Kun-yomi*) dan *音読み* (*On-yomi*) dalam setiap Kanji adalah berbeza. Terdapat Kanji yang hanya mempunyai *音読み* (*On-yomi*) tanpa *訓読み* (*Kun-yomi*) dan sebaliknya.

Sistem Tulisan Kana (かな)

Kana (かな) ialah sejenis aksara yang digunakan bersama-sama dengan Kanji. Dalam sistem Kana terdapat dua jenis aksara iaitu Hiragana (ひらがな) dan Katakana (カタカナ). Kedua-dua jenis aksara tersebut mempunyai fungsi yang berbeza dari segi penggunaannya.

Aksara Hiragana melambangkan suku kata tunggal dan digunakan untuk menulis kata-kata yang berasal daripada bahasa Jepun asli. Aksara Hiragana terbentuk daripada pengubahsuaian dan pemudahan aksara Kanji. Bentuk aksara Hiragana adalah melengkung dan tidak bersudut tajam. Menurut Takabe (1993), aksara Hiragana digunakan sejak zaman Edo. Aksara Hiragana pada awalnya digunakan oleh kaum wanita sehingga menjadikannya terkenal sebagai aksara kaum wanita yang dalam bahasa Jepun disebut sebagai *Onnade* (女手). Aksara Hiragana mempunyai 46 huruf, termasuk 5 vokal iaitu ‘a, i, u, e, o’, selebihnya ialah suku kata dengan deretan ‘ka, sa, ta, na, ha, ma, ya, ra, wa’ dan satu konsonan iaitu ‘n’ serta satu kata bantu ‘o’ yang pada masa-masa tertentu diucapkan sebagai ‘wo’. 46 huruf Hiragana tersebut dipanggil *sei on*. Selain itu terdapat juga *dakuon*, *handakuon* dan *yoo on* dalam sistem Hiragana ini. Huruf Hiragana yang termasuk dalam *sei on* adalah seperti berikut:

あいうえお / a i u e o / かきくけこ / ka ki ku ke ko / さしすせそ
/
sa shi su se so / たちつてと / ta chi tsu te to / なにぬねの / na ni nu ne no
/
はひふへほ / ha hi fu he ho / まみむめも / ma mi mu me mo /
やゆよ / ya yu yo / らりるれろ / ra ri ru re ro / わをん / wa o n
/

Daku on berjumlah 25 huruf Hiragana, adalah seperti berikut :

が ぎ ぐ げ ご / *ga gi gu ge go* / ざ じ ず ぜ ぞ / *za ji zu ze zo* /
だ ぢ づ で ど / *da ji zu de do* / ば び ぶ べ ぼ / *ba bi bu be bo* /
ぱ ぴ ぷ ぺ ぽ / *pa pi pu pe po* /

Yoo on berjumlah 33 huruf Hiragana, adalah seperti berikut:

きゃ きゅ きょ / *kya kyu kyo* / しゃ しゅ しょ / *sha shu sho* / ちゃ ちゅ ちょ /
cha chu cho / にゃ にゅ にょ / *nya nyu nyo* / ひゃ ひゅ ひょ / *hya hyu hyo*
みゃ みゅ みょ / *mya myu myo* / りゃ りゅ りょ / *rya ryu ryo* / ぎゃ ぎゅ ぎょ /
gya gyu gyo
/ じゃ じゅ じょ / *ja ju jo* / びゃ びゅ びょ / *bya byu byo* / ぴゃ ぴゅ ぴょ /
pya pyu pyo /

Seterusnya, aksara Katakana sama seperti aksara Hiragana iaitu dari segi peranannya untuk melambangkan suku kata tunggal, tetapi mempunyai fungsi yang berbeza dengan aksara Hiragana. Aksara Katakana digunakan untuk menulis perkataan yang berasal daripada bahasa asing iaitu bukan bahasa Jepun.

Selain itu, aksara Katakana digunakan untuk menulis perkataan yang berasal daripada bahasa Jepun asli khususnya apabila penekanan adalah kepada maksud perkataan dalam bahasa Jepun asli. Aksara Katakana juga terbentuk daripada pengubahsuaian aksara Kanji dengan cara mengambil salah satu bahagian Kanji yang lakarannya tidak melengkung. Aksara Katakana disebut sebagai ‘huruf laki-laki’ kerana hurufnya berbentuk kaku dan setiap lakarannya bersudut tajam. Aksara Katakana berjumlah 45 huruf kerana tidak mempunyai huruf ‘o’ yang berfungsi sebagai kata bantu dalam aksara Hiragana. Susunan aksara Katakana sama dengan aksara Hiragana, iaitu 5 vokal; ‘a, i, u, e, o’ dan bakinya adalah suku kata dengan deretan ‘*ka, sa, ta, na, ha, ma, ya ra, wa*’ dan satu konsonan iaitu ‘n’. *Daku on* berjumlah 25 aksara Katakana, adalah seperti berikut :

ガ ギ グ ゲ ゴ / *ga gi gu ge go* / ザ ジ ズ ゼ ズ / *za ji zu ze zo* / ダ ジ ヅ デ ド /
da ji zu de do / バ ビ ブ ベ ボ / *ba bi bu be bo* / パ ピ プ ペ ポ / *pa pi pu pe po*

Yoo on berjumlah 33 aksara Katakana, adalah seperti berikut :

キャ キュ キョ / *kya kyu kyo* / シャ シュ ショ / *sha shu sho* / チャ チュ チョ / *cha*

chu cho / ニャ ニュ ニョ / nya nyu nyo / ヒャ ヒュ ヒョ / hya hyu hyo / ミャ ミュ

ミョ / mya myu myo / リャ リュ リョ / rya ryu ryo / ギャ ギュ ギョ / gya gyu gyo /

ジャ ジュ ジョ / ja ju jo / バャ ビュ ビョ / bya byu byo / ピャ ピュ ピョ / pya pyu pyo /

Sistem tulisan Kanji dan Hiragana digunakan untuk menulis kosa kata yang berasal daripada bahasa Jepun. Katakana pula digunakan untuk menulis kosa kata pinjaman bahasa asing, onomatopia dan kosa kata yang ingin ditekankan maksudnya. Namun demikian, sistem bunyi bahasa Jepun yang terhad menyebabkan kosa kata bahasa asing yang dijepunkan tidak menyerupai bunyi asal. Sebagai contohnya kosa kata 'television' akan menjadi 'terebi'.

Selanjutnya, tulisan Jepun lazimnya disusun melintang dan ditulis dari arah kiri ke kanan dalam dokumen-dokumen rasmi. Dalam medium seperti surat khabar, majalah dan buku tulisan, tulisan Jepun disusun mengikut cara lama iaitu disusun menegak dari arah atas ke bawah dan dibaca dari arah kanan ke kiri.

Sistem Fonem Segmental Bahasa Jepun Standard

Bentuk bahasa Jepun yang dibincangkan dalam bahagian ini adalah 標準語 (bahasa Jepun standard-BJS) yang dipertuturkan penduduk Jepun dan digunakan dalam siaran televisyen dan radio di Jepun. Selain itu sistem Hepburn standard digunakan dalam ejaan rumi kerana lebih hampir dengan bunyi dalam simbol-simbol fonetik yang akan digunakan apabila diperlukan untuk penjelasan yang seterusnya dalam kajian ini.

Bilangan unit fonem dalam BJS adalah antara yang paling kecil kerana terdiri daripada lima bunyi vokal, 18 bunyi konsonan dan bunyi semi vokal iaitu 'w' dan 'y', yang membawa kepada 25 jumlah bunyi secara keseluruhan jika dibandingkan dengan bahasa-bahasa lain. Satu atau lebih fonem dapat digunakan untuk unit-unit suku kata. Dalam BJS unit-unit suku katanya dikenali sebagai モーラ *Mo-Ra*, satu unit ukuran masa yang bersamaan dengan jangka masa satu suku kata pendek. Istilah *mo-ra* digunakan kerana setiap suku kata dalam BJS diujar dengan lanjutan yang sama dan merupakan unit terpendek dalam pertuturan. Umpamanya perkataan *sakura* terbina daripada 3 *mo-ra*: *Sa-Ku-Ra* yang setiap unit ini mempunyai lanjutan yang sama. Begitu juga dengan perkataan *nihsan* yang terdiri daripada 3 *mo-ra*: *Ni-Ho-N* dan bukannya 2 *mo-ra*: *Ni=Hon* seperti yang dianggap oleh kebanyakan penutur asing. Hal ini berbeza dengan bahasa Melayu standard. Sebagai contohnya, perkataan *ikan* disegmentasikan kepada dua suku kata iaitu *I-Kan*. Namun demikian bagi penutur BJS, perkataan *ikan* dibahagikan kepada 3 *mo-ra* iaitu *I-Ka-N*. Hal ini menyebabkan penutur bukan natif tidak dapat mengujar dengan tepat kosa kata BJS kesan mengabaikan sistem *mo-ra* BJS.

Perbezaan Definisi Kesalahan dan Kesilapan

Pengkaji bahasa asing atau pengajar bahasa asing wajar mengetahui dan menguasai perbezaan definisi antara 'kesalahan' dengan 'kesilapan' dalam konteks pengajaran dan pembelajaran bahasa asing. Hal ini kerana kedua-dua istilah tersebut mempunyai makna yang seakan-akan sama justeru menimbulkan kekeliruan kepada pembaca yang tidak mengetahui perbezaan antara dua istilah tersebut. Menurut Richards. et al., (1992), istilah kesilapan merujuk kepada kesilapan yang dilakukan pelajar bahasa asing semasa aktiviti menulis atau bertutur disebabkan kurang fokus, keletihan, kecuai atau aspek-aspek kelakuan lain. Definisi kesalahan pula merujuk kepada sebarang penggunaan bentuk bahasa yang dianggap salah oleh penutur natif atau penutur yang fasih sesuatu bahasa asing akibat pengajaran dan pembelajaran yang salah atau belum sempurna.

Lanjutan itu, sarjana bahasa seperti Ellis (1997) mengemukakan dua cadangan untuk membezakan antara kesalahan dengan kesilapan. Kaedah yang dicadangkan Ellis adalah dengan memantau dan memeriksa prestasi pelajar bahasa asing secara berterusan. Hal ini dilakukan dengan melihat sama ada pelajar pernah menggunakan bentuk bahasa yang salah dan dalam masa yang sama juga pernah menggunakan bentuk bahasa yang betul. Jika perkara ini berlaku, pelajar bahasa asing itu disifatkan sebagai melakukan kesilapan. Sekiranya pelajar bahasa asing menggunakan bentuk bahasa yang salah secara berterusan, maka pelajar tersebut dianggap melakukan kesalahan. Cara kedua yang dicadangkan Ellis adalah dengan meminta pelajar bahasa asing memperbetulkan kesalahan bahasanya sendiri. Jika pelajar berjaya memperbaiki kesalahan bahasa tersebut, maka pelajar dianggap telah melakukan kesilapan. Jika sebaliknya yang berlaku iaitu pelajar bahasa asing gagal membetulkan kesalahan bahasa tersebut, pelajar dianggap telah melakukan kesalahan. Sehubungan itu dan dalam kajian ini, kesalahan bahasa dijadikan sebagai landasan analisis dalam kajian ini.

Permasalahan Kajian

Menurut Yoshikawa (1997) terdapat lima kesulitan yang dihadapi oleh pelajar dalam mempelajari bahasa Jepun iaitu gangguan daripada bahasa ibunda, kekeliruan dalam memahami sistem bahasa Jepun, pemahaman tidak sempurna terhadap bahasa Jepun yang dipelajari, penjelasan tidak lengkap oleh guru tentang sistem linguistik bahasa Jepun dan sikap berfikir tentang sistem linguistik bahasa Jepun yang keterlaluan. Oleh itu, Yoshikawa (1997) mengesyorkan kajian perbandingan antara bahasa ibunda dengan bahasa kedua dijalankan bagi pengesanan ciri-ciri bahasa kedua yang tidak ada pada bahasa ibunda. Hal ini secara tidak langsung adalah untuk melihat pengaruh bahasa ibunda sama ada membantu atau sebaliknya menyukarkan pembelajaran bahasa kedua pelajar. Istilah gangguan bahasa ibunda (*cross linguistic influence*) juga dikenali sebagai pemindahan bahasa (*language transfer*) oleh pengkaji bahasa Jepun seperti Odlin (1989), Ozeki (2010), Shirahata, T, Wakabayashi, S, & Muranoi, H, (2010). Sejalan dengan itu, kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti jenis kesulitan yang dihadapi pelajar Melayu dalam mempelajari bahasa Jepun sebagai bahasa asing melalui analisis terhadap kesalahan bahasa yang dilakukan pelajar dalam tugas penulisan bahasa Jepun.

Seterusnya, Odlin (1989) menegaskan bahawa pemindahan bahasa merupakan kesan persamaan atau perbezaan antara bahasa ibunda pelajar dengan bahasa sasaran yang dipelajari oleh pelajar. Menurut Odlin (1989) lagi, terdapat persamaan antara sistem linguistik bahasa ibunda dengan sistem linguistik bahasa sasaran yang menyebabkan pindahan positif boleh untuk berlaku. Sebagai contohnya, bahasa Jepun dan bahasa Korea mempunyai pola ayat yang sama iaitu S+O+V. Persamaan ini menyebabkan pemindahan positif kerap berlaku dalam kalangan pelajar Korea yang mempelajari bahasa Jepun. Perkara sebaliknya terjadi sekiranya wujud perbezaan antara sistem linguistik bahasa ibunda pelajar dengan sistem linguistik bahasa sasaran, iaitu boleh menyebabkan berlakunya pemindahan negatif. Dalam konteks ini, bahasa Melayu yang mempunyai pola ayat S+V+O dan bahasa Jepun yang mempunyai pola ayat yang berbeza iaitu S+O+V memperlihatkan perbezaan ini dan akan menyebabkan pemindahan negatif berlaku dalam kalangan pelajar Melayu yang mempelajari bahasa Jepun. Oleh itu, kajian ini turut dijalankan untuk menentukan sama ada perbezaan linguistik ini merupakan antara halangan yang dihadapi oleh pelajar Melayu dalam penulisan bahasa Jepun. Dalam erti kata lain, pelajar Melayu akan mengaplikasikan peraturan bahasa Melayu apabila menggunakan bahasa Jepun dalam bentuk lisan atau tulisan. Antara perbezaan lain yang ketara dalam nahu bahasa Jepun ialah perubahan bentuk golongan kata seperti kata nama, kata kerja dan sifat mengikut kala masa dalam sesuatu ayat. Peraturan ini tidak wujud dalam tatabahasa bahasa Melayu justeru menyebabkan pelajar Melayu sering melakukan kesalahan ketika menggunakan bahasa Jepun dalam bentuk lisan atau tulisan. Contoh dapat dilihat seperti dalam jadual berikut:

Jadual 1.2: Perbezaan Perubahan Bentuk Kata Sifat Bahasa Jepun dan Bahasa Melayu

BAHASA	Kata Sifat			
	Bentuk Afirmatif Kala Kini	Bentuk Negatif Kala Kini	Bentuk Afirmatif Kala Lampau	Bentuk Negatif Kala Lampau
BAHASA JEPUN	<i>Kirei</i> <i>Utsukushii</i>	<i>Kirei ja arimasen</i> <i>Utsukushi kunai</i>	<i>Kireideshita</i> <i>Utsukushi katta</i>	<i>Kirei ja arimasen deshita</i> <i>Utsukushi kunakatta</i>
BAHASA MELAYU	Cantik	Tidak cantik	Sudah cantik	Sudah tidak cantik

Sementara itu, kajian-kajian lepas dalam analisis kesalahan bahasa Jepun seperti kajian Yoshikawa (1997), Ichikawa (1997,2005), Ozeki (2010), Shirahata, T, Wakabayashi, S, dan Muranoi, H (2010) terhadap pelajar bahasa Jepun di negara Jepun membuktikan terdapat pengaruh bahasa ibunda pelajar dalam kesalahan bahasa yang dilakukan dalam pembelajaran bahasa Jepun. Kajian-kajian antaranya oleh Ong Shyi Nian dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2015) dan Zoraida Mustafa (2009) tentang kesalahan

bahasa Jepun di Malaysia turut membuktikan bahawa faktor *interlingual* merupakan faktor utama pelajar melakukan kesalahan bahasa dalam proses penulisan bahasa Jepun. Hal ini bermaksud, para pelajar cenderung untuk memindahkan aspek-aspek linguistik bahasa ibundanya ke dalam bahasa sasaran kerana sistem linguistik bahasa ibundanya mengganggu atau menghalangnya daripada menguasai bahasa sasaran yang dipelajarinya (Corder, 1971). Dalam konteks ini juga, Lado (1957) juga cuba membuktikan bahawa bahasa ibunda pelajar boleh mempengaruhi pembelajaran bahasa kedua. Oleh itu, kajian yang diusahakan pengkaji ini turut bertujuan untuk merumuskan faktor-faktor *interlingual* yang mempengaruhi pelajar Melayu melakukan jenis-jenis kesalahan dalam aktiviti penulisan bahasa Jepun berdasarkan Taksonomi Struktur Permukaan (*Taxonomy Surface Strategy*) di Universiti Putra Malaysia.

Walaupun bagaimanapun, faktor *interlingual* bukan faktor tunggal yang menyebabkan kesalahan pelajar dalam pembelajaran bahasa asing (Richards et al.1992). Hal ini kerana faktor *intralingual* turut menjadi antara punca kelemahan pelajar. Dalam hal ini dan seperti yang telah dijelaskan, Richards et al. (1992) mendefinisikan kesalahan *intralingual* sebagai kesalahan yang berlaku kerana pelajar masih belum memahami peraturan dan aplikasi bahasa sasaran itu sendiri. Beliau menegaskan bahawa kesalahan *intralingual* berpunca daripada kesalahan pengembangan (*developmental errors*), iaitu proses pelajar bahasa asing cuba mengembangkan hipotesis tentang bahasa asing berdasarkan pengetahuan bahasa asing pelajar yang terhad. Antara kesalahan *intralingual* seperti yang diungkapkan Richards ialah *over-generalization*, *ignorance of rule restrictions*, *incomplete application of rules* dan *false concepts hypothesized*. Hal ini turut dapat dilihat dalam kajian Chong Pow Yean (2005) yang mengenal pasti kesalahan gantian sebagai jenis kesalahan yang paling banyak dilakukan oleh responden kajian, diikuti dengan kesalahan omisi dan kesalahan pengisian. Disorot daripada kajian Chong Pow Yean (2005), Roswati Rashid (2002) dan Zoraida Mustafa (2009) pula jelas menunjukkan kesalahan *intralingual* lebih dominan daripada kesalahan *interlingual*. Sehubungan itu, kajian ini juga dijalankan untuk membincangkan faktor *intralingual* yang merupakan halangan-halangan yang dihadapi oleh pelajar Melayu semasa menulis dalam bahasa Jepun.

Seterusnya, faktor *intralingual* yang turut menyebabkan pelajar melakukan kesalahan dalam pembelajaran bahasa Jepun dibuktikan oleh Roswati Rashid (2002) dan Zoraida Mustafa (2009). Kajian Roswati Rashid (2002) dan Zoraida Mustafa (2009) ini mendapati bahawa kesalahan yang dilakukan responden kajian bukan disebabkan gangguan bahasa ibunda tetapi kerana kecacatan pemahaman responden tentang sistem linguistik bahasa Jepun. Fenomena ini menurut mereka dikenali sebagai *intralingual* dalam konteks analisis kesalahan bahasa.

Fenomena ini terjadi kerana setiap individu yang mempelajari bahasa asing tidak menyedari bahawa setiap bahasa yang wujud mempunyai hukum dan peraturan bahasa tersendiri yang dikenali sebagai sistem linguistik. Bahasa Jepun juga mempunyai sistem linguistik yang perlu dikuasai supaya bahasa Jepun yang digunakan dalam konteks lisan mahupun tulisan adalah tepat dan betul dari segi struktur penggunaannya. Dalam konteks kajian ini, sistem linguistik yang berbeza antara bahasa Jepun dan bahasa Melayu didapati menjadi sebab pelajar Melayu yang mempelajari bahasa Jepun

di Universiti Putra Malaysia menghadapi kesulitan untuk menguasai bahasa Jepun yang kompleks dan berbeza dengan bahasa Melayu.

Seterusnya, dilihat dari aspek lain, terdapat kajian-kajian analisis kesalahan bahasa asing seperti kajian oleh Goh dan Ng (2004), Marzalina (2004), Jyh (2005), Faizah et al. (2010) yang membuktikan bahawa faktor bukan linguistik seperti strategi pembelajaran, teknik mengajar, pengetahuan kebudayaan tentang bahasa asing, usia bilingualisme (masa yang dilalui pelajar menggunakan bahasa asing) dan situasi sosiolinguistik pelajar turut mempengaruhi pelajar melakukan kesalahan dalam penulisan bahasa asing. Tidak kurang pentingnya, kajian yang dijalankan oleh Azadeh (2012) membuktikan bahawa kekurangan pengetahuan tertentu, had perbendaharaan kata tertentu bagi topik yang tidak lazim, kekurangan keyakinan dalam pertuturan, umur, tahap pendidikan, kekurangan motivasi, dan sikap negatif terhadap pembelajaran dan pertuturan berpotensi menjadi faktor utama yang mendorong kepada keciciran dalam tatabahasa. Sri Widian Hartati (2013) pula berpendapat kelemahan pelajar dalam kemahiran menulis berpunca daripada motivasi yang rendah dan kekurangan latihan.

Berdasarkan kenyataan Azadeh (2012) dan Sri Widian Hartati (2013) seperti yang telah dibincangkan, jelas menunjukkan bahawa mempelajari bahasa Jepun sebagai bahasa asing merupakan proses yang sulit terutama dalam kalangan pelajar Melayu yang tidak terdedah secara langsung kepada persekitaran dan situasi sebenar bahasa Jepun digunakan (Yoshida, 2010; Ahmad Sohaimi Lazim, 2011; Muhammad Alif Redzuan, 2014). Selain itu, kajian sebelum ini oleh Sanimah Hussin (2007) mendapati pelajar Malaysia yang mempelajari bahasa Jepun tidak dapat mempraktikkan bahasa Jepun dalam persekitaran sebenar kerana ketiadaan atau kekurangan kontak masyarakat Jepun di Malaysia. Hal ini disulitkan lagi dengan ketiadaan sumber-sumber media dalam bahasa Jepun yang dapat membantu pelajar bahasa Jepun seperti penggunaan sari kata (*subtitle*) dan alih bahasa dalam bahasa Melayu. Lanjutan itu, kajian ini dijalankan juga untuk mengetahui apakah faktor bukan linguistik yang mempengaruhi kesalahan dalam kalangan pelajar Melayu yang mempelajari bahasa Jepun sebagai bahasa asing di Malaysia.

Selain itu, faktor-faktor *interlingual*, *intralingual* dan bukan linguistik yang mempengaruhi kesalahan pelajar dalam penulisan bahasa Jepun perlu ditangani agar kelemahan pelajar bahasa Jepun dalam membina ayat bahasa Jepun yang betul dapat diatasi dengan segera. Sekiranya perkara ini tidak diberi perhatian, proses pembelajaran bahasa Jepun akan menjadi lebih rumit terutamanya apabila pelajar bahasa Jepun tidak dapat menguasai bahasa Jepun dengan baik dalam bentuk pertuturan mahupun penulisan. Selain itu, usaha ini dapat mengelakkan kekeliruan dalam kalangan pelajar bahasa Jepun untuk menyusun struktur ayat yang betul dalam bentuk penulisan. Seterusnya, analisis terhadap kesalahan yang dilakukan pelajar dapat memberikan gambaran yang lebih teliti dalam proses pembelajaran bahasa. Oleh yang demikian, analisis kesalahan ini dapat dianggap sebagai wahana yang penting untuk tujuan diagnostik dalam pengajaran bahasa (Khazriyati Salehuddin et al., 2006). Dapatan kajian ini nanti diharapkan dapat memberikan panduan untuk membantu guru mendapatkan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan untuk mencegah dan mengurangkan kesalahan bahasa dalam kalangan pelajar Melayu yang mempelajari bahasa Jepun sebagai bahasa asing di Malaysia. Natiujahnya, diharapkan

pelajar bahasa Jepun dapat meningkatkan kemampuan membina struktur ayat bahasa Jepun yang tepat dalam penulisan mereka.

Objektif Kajian

Dalam bahagian ini pengkaji menyenaraikan tiga objektif khusus untuk dicapai iaitu:

- 1) Menganalisis kesalahan bahasa dalam penulisan bahasa Jepun berdasarkan Taksonomi Struktur Permukaan (*Surface Strategy Taxonomy*).
- 2) Membincangkan halangan-halangan yang dihadapi oleh pelajar Melayu dalam penulisan bahasa Jepun.
- 3) Merumuskan faktor bukan linguistik yang mempengaruhi pelajar Melayu melakukan kesalahan bahasa dalam penulisan bahasa Jepun.

Persoalan Kajian

Kajian ini terdiri daripada tiga persoalan iaitu:

- 1) Apakah kesalahan bahasa dalam penulisan bahasa Jepun berdasarkan Taksonomi Struktur Permukaan (*Surface Strategy Taxonomy*)?
- 2) Apakah halangan-halangan yang dihadapi pelajar Melayu dalam penulisan bahasa Jepun?
- 3) Apakah faktor bukan linguistik yang mempengaruhi pelajar Melayu melakukan kesalahan bahasa dalam penulisan bahasa Jepun?

Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan akan memberikan maklumat untuk meningkatkan pembelajaran bahasa asing di Malaysia. Kajian seperti ini dapat membantu pelajar mengukuhkan dan memantapkan lagi pencapaian mereka dalam bahasa Jepun. Selain itu, kajian ini juga dapat dimanfaatkan oleh para guru dan tenaga pengajar yang mengajar bahasa asing untuk mencari penyelesaian masalah dalam pengajaran serta merancang latihan melalui teknik-teknik pengajaran yang lebih berkesan. Hasil kajian ini juga diharapkan dapat meluaskan pemahaman tenaga pengajar bahasa Jepun tentang pengaruh bahasa ibunda yang menyebabkan kesalahan penggunaan bahasa Jepun oleh pelajar dan implikasinya dalam pembelajaran bahasa Jepun. Kajian ini turut diharapkan dapat dijadikan sebagai garis panduan bagi memperbaiki dan mengatasi masalah penguasaan bahasa Jepun dalam kalangan pelajar di Universiti Putra Malaysia.

Seterusnya, kajian ini turut akan membantu pelajar yang ingin mempelajari bahasa Jepun sebagai bahasa asing. Hal ini kerana penelitian terhadap aspek kesalahan dalam sistem linguistik antara bahasa Jepun dengan bahasa Melayu membolehkan para pengajar dan pelajar menguasai disiplin ilmu dalam kedua-dua bahasa sekali gus mempelajari dengan lebih mendalam tentang sistem bahasa Jepun dan bahasa Melayu. Selain dapat menambah wawasan pengetahuan tentang sistem linguistik bahasa Jepun, analisis kesalahan ini juga boleh membantu pelajar menguasai teknik pengajaran dan pembelajaran sesuatu bahasa dengan lebih efektif. Hasil kajian ini diharapkan dapat membantu pelajar bahasa asing terutamanya pelajar bahasa Jepun supaya mudah memahami dan menguasai bahasa lain yang dipelajari.

Seterusnya, kajian analisis kesalahan ini juga diharapkan dapat menarik dan menambah minat pelajar untuk mempelajari bahasa asing khususnya bahasa Jepun kerana hal ini dapat mempertautkan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Jepun dengan bahasa ibunda mereka iaitu bahasa Melayu.

Selanjutnya, kajian ini turut diharapkan dapat berfungsi sebagai pedoman kepada tenaga pengajar atau mana-mana individu yang mengajar bahasa Jepun sebagai kemahiran bahasa asing untuk mencipta pendekatan yang sesuai diguna pakai dalam pengajaran bahasa Jepun tersebut, terutama dalam aktiviti penulisan. Analisis terhadap kesalahan bahasa dalam kajian ini diharapkan dapat membantu membentuk asas dalam membangunkan prosedur dan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran, kadar kemajuan pelajar dan jumlah latihan yang diperlukan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik kuliah. Tidak ketinggalan, kajian ini juga diharapkan dapat memberi gambaran kepada para pendidik tentang situasi sebenar yang berlaku semasa kelas bahasa asing diadakan. Informasi kajian ini sedikit sebanyak dapat membantu mereka dalam merangka suatu kaedah pengajaran yang lebih telus dan komprehensif.

Secara keseluruhannya, hasil dapatan kajian ini diharap dapat menggalakkan serta mengembangkan lagi kualiti dan kemampuan pengajaran dan pembelajaran bahasa Jepun khususnya dan bahasa asing amnya di Malaysia pada masa akan datang. Hasil kajian ini juga diharapkan bermanfaat kepada mana-mana institusi pengajian tinggi yang telah dan akan menawarkan kursus bahasa asing khususnya dalam konteks menyediakan situasi dan bahan pengajaran yang bersesuaian.

Skop dan Batasan Kajian

Pengkaji mendapati terdapat beberapa perkara yang menjadi batasan kajian ini iaitu segi responden, lokasi, instrumen, prosedur kajian, analisis data dan teori yang digunakan untuk menganalisis data dalam bahagian ini.

Responden kajian terdiri daripada 15 orang pelajar Melayu yang merupakan pelajar Program Ijazah Sarjana Muda di Universiti Putra Malaysia yang mengambil kursus bahasa Jepun sebagai subjek elektif bahasa asing, dan berusia dalam lingkungan umur

21 hingga 24 tahun. Responden kajian telah mempelajari bahasa Jepun selama satu semester pada Tahap 1 dan sedang mengikuti pembelajaran bahasa Jepun pada tahap dua. Had responden kajian ini iaitu sebanyak 15 orang pelajar adalah kerana bilangan pelajar Melayu yang mempelajari bahasa Jepun pada Tahap 2 adalah tidak ramai ketika data kajian ini dikumpulkan pengkaji. Selain itu, pemilihan 15 orang responden ini adalah kerana kaedah kualitatif yang dipilih bagi kajian ini dianggap sebagai kaedah paling sesuai untuk tujuan memahami sesuatu fenomena. Sehubungan itu, 15 orang responden adalah mencukupi untuk menjelaskan sesuatu fenomena. Hal ini kerana menurut Creswell (2008) dan Gay, Mills (2006), penyelidikan kualitatif adalah satu proses inkuiri untuk memahami masalah sosial atau masalah manusia berdasarkan gambaran yang menyeluruh dan kompleks, melalui pandangan informan yang mendalam serta dijalankan dalam keadaan yang sebenar dan semula jadi. Sampel kajian untuk kajian kualitatif biasanya jauh lebih kecil berbanding dengan yang digunakan dalam kajian kuantitatif. Hal ini kerana terdapat satu tahap dalam persampelan kajian kualitatif yang tidak menawarkan maklumat tambahan walaupun sampel kajian ditambah dalam proses penyelidikan (Crouch dan McKenzie, 2006).

Selanjutnya, pengkaji menghadkan responden kajian ini terdiri daripada pelajar Melayu adalah kerana bahasa ibunda responden ialah bahasa Melayu. Hal ini memudahkan pengkaji untuk memahami latar belakang responden kerana persamaan bahasa yang digunakan antara pengkaji dengan responden iaitu bahasa Melayu. Selain itu, pengkaji ingin melihat sama ada bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda turut menjadi gangguan dalam pembelajaran bahasa asing. Oleh itu, sebab kajian ini tidak difokuskan kepada pelajar bukan Melayu adalah kerana fokus utama kajian iaitu untuk mengkaji pelajar Melayu bagi melihat sama ada bahasa Melayu yang menjadi bahasa ibunda pelajar boleh menjejaskan atau mengganggu penguasaan bahasa asing mereka.

Kajian ini telah dijalankan pada semester 1 sesi 2014/2015 dan tempoh pengambilan data kajian adalah selama satu bulan. Responden yang dipilih bagi kajian ini terdiri daripada pelajar Melayu dari Universiti Putra Malaysia kerana persamaan pembelajaran bahasa asing di universiti dengan yang di peringkat asas. Oleh itu, apabila pengkaji mengambil satu kumpulan pelajar dalam kajian ini, secara tidak langsung dapat merangkumi dan menggambarkan fenomena yang berlaku dalam kalangan pelajar di universiti awam yang lain. Selanjutnya, kajian dijalankan di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia yang terletak di Serdang, Selangor, iaitu fakulti yang menawarkan kursus elektif Bahasa Jepun kepada semua pelajar Universiti Putra Malaysia.

Dalam konteks instrumen, kajian ini memperuntukkan instrumen berbentuk penulisan karangan yang dipilih daripada dua tajuk yang diberi, 30 soalan terjemahan ayat daripada bahasa Melayu kepada bahasa Jepun dan satu set soal selidik. Jumlah tugasan untuk setiap responden kajian adalah sebanyak satu tajuk karangan dan satu set 30 ayat terjemahan. Penulisan karangan dan terjemahan ayat responden akan disemak oleh pengkaji untuk meneliti setiap kesalahan yang dilakukan responden kajian dari aspek *intralingual* dan *interlingual*. Sesi temu bual susulan akan dilaksanakan selepas setiap aktiviti penulisan dijalankan responden. Tujuan temu bual susulan dijalankan adalah untuk mendapatkan maklumat tambahan dan rujukan sekiranya timbul sebarang

persoalan. Set borang soal selidik diedarkan kepada responden untuk mendapatkan data tentang faktor-faktor bukan linguistik iaitu sebab responden melakukan kesalahan bahasa dalam aktiviti penulisan. Terjemahan bahasa Melayu yang disediakan dalam data kajian ini adalah sebagai penerangan kepada pembaca yang tidak memahami bahasa Jepun dan bukannya sebagai persamaan antara aspek bahasa Melayu dengan bahasa Jepun kerana setiap bahasa mempunyai sistem linguistik yang tersendiri dan berbeza.

Seterusnya, data kajian yang terkumpul akan dianalisis secara kualitatif, iaitu dengan menganalisis kesalahan bahasa dalam penulisan bahasa Jepun dari aspek *interlingual* berdasarkan Taksonomi Struktur Permukaan (*Surface Strategy Taxonomy*), iaitu dengan membincangkan halangan yang dihadapi pelajar Melayu dalam penulisan bahasa Jepun dari aspek *intralingual* berdasarkan Taksonomi *Intralingual* Richard (1974) dan merumuskan faktor bukan linguistik yang mempengaruhi pelajar Melayu melakukan kesalahan bahasa dalam penulisan bahasa Jepun dianalisis dalam bentuk kekerapan dan peratusan menggunakan program *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)* versi 22.0. . Dalam penyelidikan ini analisis temubual dilakukan dengan bantuan perisian ATLAS-ti, yang merupakan sebuah perisian yang boleh digunakan untuk menganalisis data kualitatif.

Definisi Operasional

Kesalahan Bahasa

Dalam kajian ini, kesalahan bahasa dirujuk sebagai kesalahan dalam penggunaan bahasa Jepun disebabkan pelajar belum memahami sistem linguistik bahasa dan tidak dapat menguasai sepenuhnya hukum tatabahasa yang dipelajarinya. Dalam konteks kajian ini bahasa yang dipelajari pelajar dirujuk sebagai bahasa Jepun.

Bahasa Asing

Bahasa asing ialah bahasa yang dipelajari oleh seseorang itu selain bahasa ibunda yang diperoleh secara semula jadi atau bahasa kedua yang dipelajari secara formal untuk tujuan-tujuan tertentu dalam kalangan pelajar di Malaysia. Bahasa asing juga dipelajari oleh orang yang tinggal di suatu tempat di luar negara asal bahasa itu, contohnya bahasa Jepun, bahasa Perancis dan bahasa Sepanyol yang dipelajari sebagai bahasa asing oleh pelajar di Malaysia.

Analisis Kesalahan

AK ialah prosedur kerja yang digunakan oleh guru atau pengkaji bahasa untuk mengumpul data, mengkaji kesilapan bahasa, mengenal pasti jenis-jenis kesalahan, menganalisis kekerapan kesalahan dan peringkat kesalahan, membandingkan kesalahan bahasa lisan dan bahasa tulisan dan melihat punca-punca kesalahan yang perlu diberikan tumpuan dan daripadanya dapat dicadangkan langkah-langkah pembaikannya. AK merupakan satu disiplin yang agak baru dalam kajian bahasa khususnya dalam proses pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing. Lazimnya dalam usaha untuk menyampaikan pendapat sama ada dalam bentuk tulisan atau lisan, pelajar bahasa kedua akan memperlihatkan banyak kesalahan. Kesalahan bahasa ini merujuk kepada bentuk-bentuk pertuturan yang menyimpang atau yang menyalahi bentuk-bentuk pertuturan penutur jati yang muncul kerana kelemahan pelajar menguasai rumus-rumus tatabahasa dalam bahasa yang dipelajarinya.

Bahasa Jepun sebagai Bahasa Asing

Bahasa Jepun yang dipelajari oleh pelajar Melayu merupakan subjek kemahiran elektif bahasa asing di Universiti Putra Malaysia. Tahap penguasaan bahasa Jepun dalam kalangan pelajar ini masih di peringkat permulaan (*beginner's level*) mengikut takrifan *Japan Foundation*.

Pelajar Melayu

Pelajar Melayu merujuk kepada pelajar berbangsa Melayu yang mempelajari Bahasa Jepun sebagai bahasa asing pada Tahap 2 sebagai subjek elektif kemahiran di Universiti Putra Malaysia.

Kesimpulan

Dalam bab ini, pengkaji telah menjelaskan secara terperinci tentang ruang lingkup kajian secara keseluruhan yang menjadi kerangka kajian ini, dan menjadikan kajian ini lebih terarah dan jelas tentang tujuan kajian ini dilakukan. Sebagai kesimpulan, umum mengetahui bahawa kesalahan bahasa memang berlaku dalam kalangan pelajar yang mempelajari bahasa asing. Kesalahan bahasa Jepun tidak terkecuali berlaku dalam kalangan pelajar Melayu yang mempelajari bahasa Jepun sebagai bahasa asing kerana faktor-faktor *interlingual*, *intralingual* dan bukan linguistik yang mempengaruhi kesalahan pelajar dalam penulisan bahasa Jepun. Seterusnya Bab 2 akan membincangkan tentang Teori Analisis Kesalahan Bahasa, aspek-aspek dan faktor-faktor kesalahan bahasa dan kajian-kajian lepas yang dilakukan berkaitan analisis kesalahan bahasa.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan.(2009). *Tatabahasa Pedagogi Untuk Sekolah Menengah*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd
- Abisamra, N. (2003). *An analysis of errors in Arabic speakers' English writings*. Diakses pada 20 Mac 2011 daripada [http://abisamra03.tripod.com/nada/languageacq-error analysis.html](http://abisamra03.tripod.com/nada/languageacq-error%20analysis.html).
- Adjemian,C.(1976). On the nature of interlanguage systems. *Language Learning*, 26: 297-320
- Ahmad Dahidi & Sudjianto. (2004). *Pengantar Linguistik Bahasa Jepang*. Jakarta Kesaint Black
- Ahmad Sohaimi Lazim. (2010). *30 dekad Dasar Pandang Ke Timur, Sumbangan Jepun pada Pendidikan di Malaysia*. Penerbit UPSI. Tanjung Malim.
- Aini Haji Karim.(2007). Analisis kontrastif dan analisis kesalahan bahasa: Antara hipotesis dan realiti. *Prosiding Seminar Tahunan Jabatan Bahasa Melayu dan Linguistik II (SETALING)*, 2, 212-225.
- Azadeh Asgari.(2002). *Affective factors in second language writing ability attrition among English as foreign language learners*. Tesis PhD. yang tidak diterbitkan. Serdang: Universiti Putra Malaysia
- Ainol Madziah Zubairi & Isarji Hj Sarudin. (2009). Motivation to learn a foreign language in Malaysia. *GEMA Online Journal of Language Studies*. Vol. 9(2), 73-87.
- Aplatov. (1998). "Japanese". In: Asher, R. E. (Editor-in-Chief). *"The Encyclopedia of Languages and Linguistics"*. Vol. 4. Pergamon Press, Oxford – NewYork – Seoul –Tokyo. Pp. 1809 –1811.
- Audrey W. Prince. (2008). *Put it to Paper: Tips for Parents to Improve a Child's Writing Skills*. Retrieved August 30, 2015, from http://www.superduperinc.com/handouts/pdf/148_Improving%20Writing%20Skills.pdf
- Azman Che Mat dan Goh, Y.S. (2010). Situasi pembelajaran bahasa asing di Institut Pengajian Tinggi: Perbandingan antara bahasa Arab, bahasa Mandarin dan bahasa Perancis. *Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 2 (2), 9-21
- Azedah Asgari. (2012). *Affective Factors In Second Language Writing Ability Attrition Among English As Foreign Language Learners*. University Putra Malaysia: Serdang.
- Babbie E. 2010. *The Practice of Social Research*. USA: Wadsworth Cengage Learning

- Bhela, B. (1999). Native language interference in learning a second language: Exploratory case studies of native language interference with target language usage. *International Education Journal*, 1(1), 22–31.
- Bialystok, E.. (1990). *Communication Strategies: A Psychological Analysis of Second Language Use* [M]. London: Blackwell
- Brown, H.D. (1994). *Teaching by principles: an interactive approach to language pedagogy*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall Regents.
- Brown, H. D. (2000). *Principles of language learning and teaching*. New York: Longman.
- Brown, A., Hill, K., & Iwashita, N. (2000). Is learner progress in LOTE learning comparable across languages? *Australian Review of Applied Linguistics*, 23(2), 35-60
- Brudiprabpha, P. (1972). *Error analysis: A psycholinguistic study of Thai English compositions*. Unpublished master's thesis, McGill University, Montreal.
- Burn, R.B. (1995). *Introduction to Research*. Melbourne: Longman
- Burns, A., & Joyce, H. (1997). *Focus on speaking*. Sydney: National Center for English Language Teaching and Research.
- Carter, R. & McCarthy, M. (1995). Grammar and spoken language. *Applied Linguistics*, 16 (2), 141-158.
- Che Radiah Mezah, (2006). *Analisis Kesilapan Leksikal Dalam Karangan Bahasa Arab*. Thesis Untuk Memenuhi Keperluan Ijazah Doktor Falsafah, Fakulti Bahasa dan Linguistik. Universiti Malaya. Kuala Lumpur
- Che Radiah Mezah. (2009). *Kesilapan Leksikal dalam Pembelajaran Bahasa Arab*. (Cetakan Pertama). Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Cheun, H. H., Ho, W. C. & Hoe, F. T. (2009). A study of Mandarin sentence grammar mistake made by non-native speaker. *Proceeding Language and Culture: Creating and Fostering Global Communities*.
- Chino, Naoko. (2002). *How To Tell The Difference Between Japanese Particles*. Tokyo: Kodansha International, LTD.
- Choong, Pow Yean. (2005). *Analisis kesilapan penggunaan partikel kes Bahasa Jepun di kalangan pelajar Melayu di UiTM Tesis sarjana yang tidak diterbitkan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Clancy, P.M. (1985). *The acquisition of Japanese in D. Solbin (ed). The Cross Linguistic Study of Language Acquisition: The Data* (Vol 1) Hillsdale NJ: Lawrence Erlbaum Associates.

- Cohen, A. (1996). Developing the ability to perform speech acts. *Studies in Second Language Acquisition*, 18 (2), 253-267.
- Chodorow, M., Dickinson, M., Israel, R. & Tetreault, J. (2012). Problems in evaluating grammatical error detection systems. In *Proceedings of COLING 2012*, pages 611–628, Mumbai, India,
- Corder, S. P. (1967). *The significance of learners' errors*. Reprinted in J.C. Richards (ed.) (1974, 1984) *Error Analysis: Perspectives on Second Language Acquisition*. London: Longman, pp. 19 - 27 (Originally in *International Review of Applied Linguistics*, 5 (4).
- Corder, S. P. (1974). *Introducing applied linguistics*. Baltimore: Penguin Education.
- Corder, S. P. (1981). *Error Analysis and Interlanguage*. Oxford: Oxford University Press
- Cumming, A., & Riazi, A. (1997, in press). *Building models of adult second- language writing instruction*. To appear in *Learning and Instruction*
- Corder, S. P. (1981). *Error Analysis and Interlanguage*. Oxford: Oxford University Press.
- Creswell, J. W. (2012). *Educational Research Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. Fourth Edition. Pearson. Pg 376-404.
- Creswell, J. W., (2008). *Educational Research*. New Jersey: Pearson-Merrill Prentice Hall.
- Crouch, M. and McKenzie, H. (2000) "Social Realities of Loss and Suffering Following Mastectomy", *Health* 4(2): 196-215
- Dayang Aini binti Haji Karim. (2003). *Preposisi Bahasa Dusun dan Bahasa Melayu : satu analisis kontrastif dan satu kesilapan*. Thesis (Ph.D.) -- Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur
- Dechert, H. W. (1983). How a story is done in a second language. In C. Faerch & G. Kasper (Eds.), *Strategies in interlanguage communication* (pp. 175-195). London: Longman
- Denzin, N. K. (1989a) *The Research Act: A Theoretical Introduction to Sociological Methods* 3rd edn. Englewood Cliffs NJ, Prentice Hall.
- Denzin, N. K. & Y. S. Lincoln. (1994). "Introduction to the Field of Qualitative Research" In *Handbook of Qualitative Research*, pp 1-17. Thousand Oaks, CA : SAGE.
- Dulay, H., Burt, M. & S. Krashen (2000). *Language Two*. Oxford: Oxford University Press
- Dulay, H., and Burt, M. (1972). Goofing: an indicator of children's second language learning strategies, *Language Learning*, 22, 235-252

- Dulay, H., Burt, M. & Krashen, S. (1982), *Language Two*, Oxford University Press, New York
- Ellis, R. (1994). *The study of second language acquisition*. Oxford: Oxford University Press.
- Ellis, R. (1997). *SLA research and language teaching*. Oxford: Oxford University Press
- Ellis, N. (1998). Emergentism, connectionism and language learning. *Language Learning*, 48, 631-664.
- Ellis, N. (2001). *Memory for language*. In P. Robinson (Ed.), *Cognition and second language instruction*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Erdogan, V. (2005). Contribution of error analysis to foreign language teaching. *Mersin University Journal of the Faculty of Education*, 1 (2), 261-270.
- Faizah Abd Manan, Mohamed Amin Embi & Zamri Mahamod. (2010). Kerangka pembangunan dan penilaian modul belajar cara belajar bahasa Melayu pelajar asing institusi pengajian tinggi Malaysia. *Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 2 (2), pp. 64-76.
- Fillmore, C.J. (1968). "On the Notion of Equivalent Sentence Structure." The Ohio State University Project on Linguistic Analysis. Report 11, 1965 Fillmore, C.J. "On the Notion of Equivalent Sentence Structure." The Ohio State University Project on Linguistic Analysis. Report 11, 1
- Fries, C. (1945). *Teaching and Learning English as a Foreign Language*. Ann Arbor: University of Michigan Press.
- Fox, L. R. (1977). *Teaching And Learning Vocabulary: An Application of Linguistics Analysis To Reading Vocabulary Exercise For Adult Student of English* Ph.D. Thesis. New York University.
- Gay, L. R., Mills, G. E., & Airasian, P. W., (2009). *Educational Research: Competencies for Analysis and Applications*. New Jersey: Prentice Hall.
- Grabe, W., & Kaplan, R. B. (1996). *Theory and practice of writing: An applied linguistic perspective*. London: Longman.
- Goh, Y. S. & Ng, A. (2004). The bumiputra students' attitude in learning Mandarin at UiTM Campus Terengganu, Malaysia. *The International Colloquium on Language, Attitudes and Education in Multilingual Cities*.
- Hama Yuuki. (2005). *Indonesia kara rainichi shita shokyuu nihongogakushuusha niokeru goyou bunseki = Error analysis on Beginners Japanese Language Learners from Indonesia* – Bachelor Thesis, Departement of Language Education, Faculty of International Studies. Obirin University. Japan

- Hazlina Abdul Halim, Normaliza Abdul Rahim, Mohd Azidan Abdul Jabar & Adi Yasan Abdul Aziz (2011). Grammatical Gender Misselection and Related Errors in French Writing by Malaysian Students. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities (JSSH)*. Volume 19(1), 173-181.
- Hazlina Abdul Halim, Normaliza Abdul Rahim, Ang Lay Hoon. & Nor Shahila Mansor (2016). Kesalahan Ejaan dalam Terjemahan Pelajar Bahasa Perancis di Universiti Putra Malaysia. *Journal of Business and Social Development*. Volume 4 Number 1, March 2016: 78-83
- Hedge, T. (2000). *Teaching and Learning in the Language Classroom*. Oxford: Oxford University Press
- Hirose, K., & Sasaki, M. (1994). Explanatory variables for Japanese students' expository writing in English: An exploratory study. *Journal of Second Language Writing*, 3, 303-229.
- Ichikawa Yasuko. (2005). *Shokyuu nihongo bunpou to oshiekata no pointo - Point of basic Japanese grammar and teaching*. Japan : Surii ee network.
- Imamura, K Saito, K Sadamitsu, H Nishikawa. (2012). Grammar error correction using pseudo-error sentences and domain adaptation. *Proceedings of The 50th Annual Meeting of the Association for Computational Linguistics*.
- Iori, Isao & Takanashi Shino & Nakanishi Kumiko & Yamada Toshihiro. (2000). *Shokyuu wo Oshieru Hito no Tame no Nihongo Bunpoo Handobukku*. Tokyo: Surlee Nettowaaku
- Jackline Octarina. (2015). Kesalahan Pada Pembelajaran Bahasa Jepang Siswa SMPK 1 Harapan. E. *E-Journal of Language and Translation* (1)1. Mac. Denpasar: Universitas Udayana,
- Jain, M.P. (1974). *Error Analysis : Source, Cause and Significance* in Richards, J.C. (ed) *Error Analysis*. London. Longman.
- James, C. (1988) *Errors in Language Learning and Use: Exploring Error Analysis*. Harlow, Essex: Addison Wesley Longman Limited
- Jyh, W. S. (2005). Evolusi dan evolusi semula bahasa. *Dewan Bahasa*. September, 17-21
- Kellerman, E. 1978. 'Giving Learners a Break: Native Language Intuitions as a Source of Predictions about Transferability'. *Working Papers on Bilingualism* 15: 59-92.
- Kellerman, E. 1984. 'The Empirical Evidence for the Influence of the L1 in Interlanguage' in: Davies, A., Criper, C. and Howatt, A. (eds.) 1984: *Interlanguage*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Kellerman, E., and Sharwood Smith, M. (eds.) 1986: *Crosslinguistic Influence in Second Language Acquisition*. Oxford: Pergamon Press.

- Kerlinger, F.N. (1973). *Foundations of Behavioral Research*. New York: Holt, Rinehart and Winston
- Kimin, Fierzi Theody. (2014). Penggunaan Partikel “To” Dalam Kalimat Bahasa Jepang - “*Nihongo No Bunshou Ni Okeru “To” No Joshi No Shiyuu*”. Kertas Projek Pelajar. Universiti Sumatera Utara. Medan.
- Kitahara, Yasuo. 1998. *Nihonggogaku*. Tokyo : Sakai Shoten
- Khazriyati Salehuddin, and Tan , Kim Hua & Marlyna Maros, (2006) Definiteness and indefiniteness: a contrastive analysis of the use Of determiners between the Malay Language and English. *GEMA: Online Journal of Language Studies*, 6 (1). pp. 21-30. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Lance DM (1969) *A brief study of Spanish English bilingualism* final report research project Texas University
- Lado, R. (1957). *Linguistics across Cultures*. Ann Arbour, Michigan: Univ. of Michigan Press.
- Lee, Chai Chuen. (2007). *Analisis kesilapan sintaksis di kalangan pelajar Melayu dalam pembelajaran bahasa Mandarin*. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya
- Lestari Astiwi, Sri Wahyu Widiati, Nana Rahayu. 2015. Analisis Kesalahan Penggunaan I-keiyoushi Dan Na-keiyoushi Dalam Menulis Sakubun pada Mahasiswa Program Studi Pendidikan Bahasa Jepang Tingkat II Universitas Riau. *Jurnal Online Mahasiswa (JOM) Bidang Keguruan dan Ilmu Pendidikan* Vol 2, No 1 (2015): pp. 1-8
- Lispridona Diner,(2009). Analisis Kesalahan Penggunaan Ungkapan Menunjukkan Waktu (Kala dan Aspek) dalam Karangan Bahasa Jepang. *Jurnal Lingua* (2).Julai. Semarang: Universiti Negeri Semarang.
- Maicusi, T., Maicusi, P. & Lopez, M.J.C. (2000). The error in the second language acquisition. *Encuento Revista de Investigacion Innovacion en la Clase de Idiomas*, 11, pp. 168-173.
- Marion, Elisa Carolina. (2008). Analisis Kesalahan Partikel Ni dan De. *Jurnal Lingua Cultural*.: 47-63. Universiti Negeri Semarang.
- Maicusi, T., Maicusi, P., & Lopez, M. J. C. (2000). *The error in the second language acquisition*. Encuentro, 11, 168-173.
- Marzalina Mansor. (2004). *Stail pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing di kalangan pelajar luar negara*. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

- Masuoka, T. and Takubo, Y. (1989): '*Meisi no syuusyoku to heiretu*' [*Noun modification and parataxis*]: *Kiso nihongo bunpoo* [Basic Japanese Grammar]. Tokyo: Kurosio Publishers, 140-5.
- Matsumoto, H. (2010). Triangulated studies on teacher talk and student comprehension in Japanese (as a second/foreign) language classrooms at American colleges and universities. *Journal of Japanese Language Education Methods*, 13(1), 28-29
- Matsumura, A (1969) "*Kotengo Gendaigo Joshi Jodooshi shoosetsu*". Tokyo, Gakutousha.
- Merriam, S.B. (1998). *Qualitative research and case study applications in education*. San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Merriam, S. (2009). *Qualitative research: A guide to design and implementation*. San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Miles, M.B & Huberman, A.M. 1984. *Qualitative Data Analysis: A Sourcebook of New Methods*. California: Sage Publication.
- Min S. H. (2009). *Analisis Kesalahan berbahasa Korea: Satu kajian Kes Karangan Mahasiswa Indonesia Program Bahasa Korea*. Unpublished PhD Thesis. Universiti Gajah Madha. Indonesia
- Moghimizadeh, R. P. (2008). *The study of syntactic avoidance on the written production of persian university students majoring in teaching english as a foreign language*. Disertasi tidak diterbitkan. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Mohamed Ramdhan Mohamed Razak, Norizan Che Su & Nik Farhan Mustapha (2014) *Analisis kesalahan penggunaan perkataan sinonim bahasa Thai dalam kalangan pelajar Universiti Putra Malaysia*. *Jurnal Linguistik*, 18 (1). pp. 25-34.
- Money, J. N. J. S. (2004). *Kesalahan bahasa dalam karangan murid Tamil yang mempelajari bahasa Melayu di sekolah menengah*. Tesis PhD. yang tidak diterbitkan. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Muhammad Alif Redzuan Abdullah. (2014). *Strategi komunikasi lisan bahasa Jepun dalam kalangan pelajar Melayu di Malaysia*. Tesis Ph.D yang tidak diterbitkan. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Nadia Soh Abdullah. (2004) *Analisis kata kerja transitif dan tak transitif dalam penulisan bahasa Jepun di kalangan pelajar-pelajar Melayu* Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Nemser, W. (1971). Approximative systems of foreign language learners. *IRAL* 9, 115-124.

- Newell, A. (1990). *Unified theory of cognition*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Ninan Alia & Rima Dewi. (2011). Fungsi partikel 'Ni', 'De' dan 'Wo' pada bahasa Jepang Tingkat Dasar dan Menengah-Hasil Analisis Buku Minna No Nihongo. *Jurnal Nihongo*, Vol. 3, No. 1, Mac. Asosiasi Studi Pendidikan Bahasa Jepang Indonesia
- Noor Anida Awang, Norhayati Che Hat, & Nurazan Mohmad Rouyan (2014) Analisis Kelemahan Kemahiran Menulis Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar UNISZA. *Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab 2014. Fakulti Pengajian Islam, UKM & Fakulti Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin. Terengganu.*
- Norizan Che Su & Zainon Hamzah, Zaitul Azma (2011) Ayat tanya dalam bahasa Thai dan bahasa Melayu : satu perbandingan. *Jurnal Linguistik*, 13 . pp. 1-12
- Odlin, T. 1989. *Language Transfer*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Ong Shyi Nian & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2015). Memahami Penguasaan Kata Sendi Nama Bahasa Jepun Dalam Kalangan Pelajar Melayu: Satu Pendekatan Analisis Kesilapan. *Jurnal Bahasa dan Budaya Jepun* Jilid 5: 41-61.
- Othman Lebar. (2007). *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metod*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Oyama, H. & Matsumoto, Y. (2010) "Automatic error detection method for Japanese case particles in Japanese language learners' writing," *In Corpus, ICT, and Language Education*, pp. 235-245, Kyoto, Japan.
- Oyama, H., Komachi, M. and Matsumoto, Y. (2013). Towards Automatic Error Type Classification of Japanese Language Learners' Writings. *In Proceedings of the 27th Pacific Asia Conference on Language, Information, and Computation*, pp. 163-172, Taipei, Taiwan.
- Ozeki Hiromi. (2010). *Nihongo o oshieru tame no dai ni gengogaku shutokuronnyuumon = An Introduction to Second Language Acquisition for Japanese Teaching*. Japan: Kuroshio.
- Palmberg, R. (1980). *A select bibliography of error analysis and interlanguage studies*. Abo: Ab Akademi.
- Parera, J.D. (1997). *Metodologi pembelajaran bahasa analisis kontrastif antara bahasa analisis kesalahan berbahasa*. Edisi ke-2. Jakarta, Indonesia.
- Politzer, R. & Ramirez, A. (1973). An Error Analysis of The Spoken English of Mexican-American Pupils In A Bilingual School And Monolingual School. *Language Learning* 23:1.

- Pungki Apriyandi. (2014). "*Kesalahan Penggunaan I-Keiyoushi dan Na-Keiyoushi Dalam Kalangan Mahasiswa Angkatan 2013 Program Studi Sastra Jepang di Universitas Brawijaya*". Disertasi Sarjana Satera yang belum diterbitkan. Universiti Brawijaya. Malang: Indonesia
- Rehbein.J.(1987). *On fluency in second languagespeech*. In H.W. Dechert& M. Raupach (Eds.), *Psycholinguistic models of production* (pp. 97-105). Norwood, NJ: Ablex
- Richards,J.C.(1974.) *Error analysis. Perspectives on Second Language Acquisition*. London : Longman.
- Richards, J. C., Platt, J. T., Weber, H. & Candlin C. N. (1992). *Longman dictionary of applied linguistics*. Essex: Longman.
- Ringbom, H. 1987. *The Role of the First Language in Foreign Language Learning*. Clevedon, Philadelphia: Multilingual Matters Ltd.
- Rista Mega Meyana (2013). Analisis Kesalahan Penggunaan Keiyoushi Pada Karangan Mahasiswa Semester 3 Prodi Pendidikan Bahasa Jepang Universitas Semarang, Indonesia *Journal of Japanese Learning and Teaching* 2 (1) pp 34- 45
- Rohana Yusof. (2003). *Penyelidikan sains sosial*. Bentong: Pts Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Rosni bin Samah. 2012. Pembinaan Ayat Bahasa Arab Dalam Kalangan Lulusan Sekolah Menengah Agama. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*. 12(2), 555-569.
- Roswati Abdul Rashid. (2002) *Analisis kesilapan ayat-ayat bersyarat bahasa Jepun di kalangan pelajar-pelajar Melayu*. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Roswita Lumban Tobing. (1999). Gangguan bahasa Indonesia dalam pemerolehan Sintaksis dan Morfologi Bahasa Perancis dalam kalangan Pelajar Institut Pendidikan Guru dan Sains Pendidikan, Indonesia. *Jurnal Humaniora*. Volume 15. Pp 327-335
- Sabitha Marican. 2005. *Kaedah penyelidikan sains sosial*. Petaling Jaya, Selangor: Pearson Prentice Hall.
- Salina Hussain. 2011. *Penggunaan Konjugasi Kata Kerja Bahasa Sepanyol dan Perbandingannya dengan Bahasa Melayu*. Unpublished PhD Thesis, Universiti Putra Malaysia, Serdang
- Sanimah Hussin. 2007. *Strategi komunikasi lisan di kalangan pelajar-pelajar Bahasa Jepun di Universiti Putra Malaysia*. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya

- Sasaki, M., & Hirose, K. (1996). Explanatory variables for EFL students' expository writing. *Language Learning*, 46, 137-174.
- Saw, K. L. (1997). *Kesilapan sintaksis dalam pembelajaran bahasa Mandarin di kalangan dewasa Melayu*. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya
- Schmitt, N. and Celce-Murcia, M. (2002). *An overview of applied linguistics*. In Schmitt, N. (ed.), *An Introduction to Applied Linguistics*. Arnold Press.
- Selinker, L.F. (1969). Language transfer. *General Linguistics* 9, 67-92
- Selinker, L. (1972). Interlanguage. *IRAL* 10(2): pp. 209-31.
- Seiichi, Makino and Michio Tsutsui. (1986). *A Dictionary of Basic Japanese Grammar*, Tokyo: The Japan Times, Ltd
- Senko K. Maynard (1990). *An Introduction to Japanese Grammar and Communication Strategies*. Tokyo: The Japan Times
- Senko K. Maynard (1997). *Japanese Communication: Language and Thought in Context*. Hawaii: University of Hawaii Press
- Shei, C. C. & Pain, H. 2000. "An ELSWriter's Collocational Aid". *Computer Assisted Language Learning*, 13(2), 167-182
- Shibatani, M. (1992). "Japanese". In: Bright, William (Editor-in-Chief). "International Encyclopaedia of Linguistics". Vol. 2. Oxford University Press, Oxford and New York. Pp. 248 – 53.
- Shirahata T, Wakabayashi S, & Muranoi H. (2010). *Dai ni gengogaku shuutoku kenkyuu – riron kara kenkyuuhoomade = A Research on Second Language Acquisition – From Theory to Research Methode*. Japan: Kenkyuusha.
- Sidek Mohd. Noh (2002). *Reka Bentuk Penyelidikan Falsafah, Teori dan Praktis*. Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Sri Aju Indrowaty. (2015). Jenis Kesalahan Yang Biasa Terjadi Dalam Karangan Berbahasa Bahasa Jepang. *DIGLOSSIA*_ September 2015 (vol 7 no 1). Universitas Pesantren Tinggi Darul 'Ulum
- Sri Widian Hartati. (2013). *An Analysis of Students' Error in Writing Recount Text at the First Grade of MA Yanuris Ciranjang*. 67 <http://publikasi.stkipsiliwangi.ac.id>
- Stake, Robert (1995). *The art of case study research*. Thousand Oaks, CA: Sage
- Spratt, M., et al. (2005). *The teaching knowledge test course*. Cambridge: Cambridge University Press.

- Sudjianto,(1996). *Gramatikal Bahasa Jepang Modern*. Jakarta: Oriental
- Sudjianto,(2002) *Kamus Istilah Masyarakat dan Kebudayaan Jepang* . Bekasi :Kesaint Blanc
- Sudjianto, (2014). *Gramatika Bahasa Jepang Modern*. Seri B. Jakarta. Kesaint Blanc.
- Sugihartono. (2001). *Nihongo no Joshi*. Bandung: Humaniora Utama Press.
- Suraiya Mohd Ali. (1989). *An Analysis of Case Particles and Case Functions in Japanese: A Case Grammar Approach*. Unpublished M.A Thesis, University of Malaya
- Suzuki, A. 2014. 日本語学習者のコロケーション習得に関する研究：動「する」を中心に (A study of collocation acquisition in learners of Japanese,with a focus on the verb “suru”. Unpublished PhD Thesis, Tokyo University of Foreign Studies. Tokyo Japan
- Swan, M. 1997. “The influence of the mother tongue on second language vocabulary acquisition and use” [in:] N. Schmitt, M. McCarthy (eds.) *Vocabulary: Description Acquisition and Pedagogy*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Takabe, Y. (1993).Kanji isn't that hard! Kanji can be mastered with the “24 Rules.” Tokyo: ALC Press
- Tami A,(2011). *Zero particle and particle drop in Japanese*. Master's Thesis in East Asian Linguistics. Oslo: University of Oslo
- Tanaka, Hiroko (1999) *Turn-Taking in Japanese Conversation: A Study in Grammar and Interaction*, (Pragmatics & Beyond, New Series, Amsterdam: John Benjamins) 242 pages
- Tarigan H Guntur.(1992). *Pengajaran Analisis Kontrastif Bahasa*. Bandung: Angkasa.
- Tarigan, Henry Guntur.(2011). *Pengajaran Analisis Kesalahan Berbahasa*. Bandung: Angkasa
- Taylor, B. P. (1975). Adult language learning strategies and their pedagogical implications. *TESOL Quarterly*, 9, 391-399
- Touchie, Hanna Y.. 1986. Second Language Learning Errors: Their Types, Causes And Treatment:*JALT Journal*, Volume 8, No. I
- Tsujimura, Natsuko. 1996. *An Introduction to Japanese Linguistics*. Oxford: Blackwell Publisher, Ltd.
- Webber,R,D.(1981). *A Practical Design For Identfyng and Classifying Laguage Learning Errors*. English Teaching Forum .V 19(4) pp 28-30.

- White, L. (1996). *Universal Grammar and Second Language Acquisition: Current Trends and New Directions*. In W. Ritchie & T. Bhatia (eds), *Handbook of Second Language Acquisition*, 85-120. San Diego: Academic Press.
- Whorf.B.L, Chase.S, Carroll.J.B (2011). *Language, Thought, and Reality: Selected Writings of Benjamin Lee Whorf*. Mansfield Centre, MA: Martino Publishing
- Widdowson,H.G. (1978). *Teaching Language as Communication*. London :Oxford University Press.
- Wilkins, D. A. (1996). *Linguistics in Language Teaching*. London: ELBS.
- Wyatt, Victor. (1973). An Analysis of Error in Composition Writing dalam English *Language Teaching*, Vol Xxvii No. 2 Februari 1973.
- Vance, T, J. (2001). "Japanese". In: "Facts about the World's Languages: *An Encyclopaedia of the World's Major Languages, Past and Present*". Edited by Jane Garry and Carl Rubino. The H. N. Wilson Company, New York and Dublin. Pp. 345 – 9.
- Yin,R.K. (1994). *Case Study Research: Design and Method*. 2nd Edition. Thousand Oak California: Sage.
- Yoshida, R. (2010). How do teachers and learners perceive corrective feedback in the Japanese language classroom? *The Modern Language Journal*, 4(2),293–314
- Yoshikawa Taketoki. (1997). *Nihongo goyou bunseki : Japanese Error Analysis*. Japan: Meiji Shoin
- Zoraida Mustafa. (2009). Analisis Kesilapan pelajar Melayu di dalam Karangan Bahasa Jepun: Satu Kajian Kes Terhadap Pelajar Rancangan Persediaan Khas Jepun (RPKJ (RPKJ). *Jurnal Bahasa dan Budaya Jepun UM*(1):35-50.